





PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 31 DISEMBER, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Pelaburan terkumpul sehingga September 2017

# Pulau Pinang di kedudukan kedua tertinggi, FDI No.1

**GEORGE TOWN -** RM9.91 bilion pelaburan terkumpul Pulau Pinang dalam tempoh bulan Januari hingga September tahun ini pada kedudukan nombor dua paling tinggi, di belakang Sarawak yang berjumlah RM10.52 bilion.

Memetik laporan statistik terbaru Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), **Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, angka RM9.91 bilion itu adalah lebih sekali ganda berbanding RM4.3 bilion pelaburan terkumpul yang direkodkan sepanjang tempoh 12 bulan tahun 2016.**

**"Terima kasih kepada MIDA atas usaha yang mereka lakukan dan juga kepada rakyat Pulau Pinang yang turut sama-sama menyumbang ke arah (perkembangan) pelaburan tahun ini.**

**"(Dan) selain modal insan yang berkemahiran tinggi, penyediaan infrastruktur efisien dan tadbir urus baik turut menjadi penyumbang terhadap percambahan pelaburan di negeri ini**," katanya pada sidang media di sini 18 Disember lalu.

Tambah Guan Eng, RM8.03 bilion pelaburan asing langsung (FDI) ke Pulau Pinang di kedudukan paling tinggi berbanding semua negeri lain, termasuk Sarawak.

"Laporan statistik MIDA mendedahkan, pelaburan terkumpul ke Sarawak berjumlah RM10,518,444,919; diikuti Pulau Pinang (RM9,913,766,407), Johor (RM3,718,610,173), Melaka (RM3,211,212,620), Selangor (RM3,049,396,790), Kedah (RM1,289,945,993), Negeri Sembilan (RM896,908,928), Perak (RM871,733,763), Sabah (RM641,063,401), Perlis (RM525,000,000), Pahang (RM191,395,184), Terengganu (RM73,123,716), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM57,540,408) dan terakhir Kelantan (RM4,200,000). Tiada rekod untuk Wilayah Persekutuan Labuan," jelasnya.

Menurut sumber sama, Guan Eng memberitahu, 90 projek daripada keseluruhan 464 projek yang telahpun diluluskan adalah di Pulau Pinang, dengan RM1,882,310,557 jumlah terkumpul pelaburan domestik ke negeri ini selain FDI berjumlah RM8,031,455,850.

"Pulau Pinang mendahului dengan jumlah pelaburan asing berjumlah RM8.03 bilion berbanding Sarawak (RM351,489,945).

"Manakala, pelaburan domestik Sarawak mencatatkan jumlah RM10.2 bilion dan Pulau Pinang (RM1.9 bilion)," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

## Kebebasan berkarya bukan lesen mainkan isu perkauman – Zunar

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN -** Kebebasan menghasilkan karya seni di negara ini tidak seharusnya dijadikan lesen untuk memainkan isu perkauman, sebaliknya perlu berlandaskan etika berkarya tanpa menyentuh sensitiviti kaum dan agama.

Kartunis Zunar atau nama sebenar Zulkiflee SM Anwar Ulhaque berkata, **sebagai kartunis dari segi berkarya adalah perlu mempunyai etika bagi mengelakkan isu-isu yang boleh membangkitkan ketegangan dan kemarahan kaum.**

**"Walaupun ada pihak yang menyatakan kartun saya agak keras, saya tetap berpegang kepada etika itu (kerana) kebebasan berkarya bukanlah satu lesen untuk kita memainkan isu perkauman**, misalnya di Eropah, meskipun kebebasan berkaryanya lebih bebas, namun kartun-kartun perkauman tetap diharamkan.

"(Penghasilan) karya bukanlah untuk memainkan isu perkauman, (tetapi) kalau isu-isu berkaitan politik silakan...bukan isu perkauman, tidak boleh dimaafkan terutama apabila kita berada kelompok masyarakat majmuk," ujarnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri di sini 6 Disember lalu.

Zunar, dalam pada itu turut mempersoalkan tindakan dwi standard (*double standard*) yang dikenakan terhadap dirinya.

"Kenapa ada *double standard* apabila ada pihak lain yang membuat perkara sama iaitu pameran kartun sebegitu tetapi tidak ditangkap atau didakwa.

"Kenapa apabila saya membuat pameran kartun di Komtar pada November tahun lalu dipaksa turunkan karya saya...diserang oleh pihak-pihak tertentu, lukisan dirosakkan.

"Begitu juga pada September tahun ini, saya cuba untuk membuat pameran di Lebuh Pantai, tetapi kumpulan sama memberikan amaran sekiranya saya teruskan pameran.

*(Sambungan di muka 6).*



ZUNAR.

# Jelajah Desa dekati penduduk desa, peruntukan khas bangun usahawan kecil tempatan

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**HASIL** penjimatan serta pentadbiran berasaskan prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT), Kerajaan Negeri mampu menjana lebihan dan menyalurkan RM3 juta setahun untuk program-program pembangunan desa.

Menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, berbekalkan bajet berkaitan dan secara keseluruhan, pelbagai program kebajikan berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat negeri ini.

"Jadi cuba bayangkan, jika Pakatan Harapan (PH) memerintah Malaysia dengan bajet tahunan sebanyak RM258 bilion sebagaimana Kerajaan Pusat kini, pastinya lebih banyak projek kebajikan serta bantuan-bantuan seperti hari ini dapat disalurkan lagi.

"Pulau Pinang berjaya hari ini adalah ekoran Kerajaan Negeri belanja dengan berhemah," katanya pada Program Jelajah Desa Peringkat Daerah Barat Daya (DBD) dekat Taman Nelayan Sungai Pinang baru-baru ini.

Menurut Afif, apabila bertandang ke luar Pulau Pinang, beliau mendapat reaksi kagum daripada orang luar kerana Kerajaan Negeri mampu memberikan pelbagai insentif kepada rakyat.

"Nelayan di Kuala Sepetang misalnya, 'cemburu' dengan nelayan Pulau Pinang yang dapat pukat percuma dua kali setahun sampai kata nak pindah ke sini.

"Saya cakap tidak perlu, biar kami ke sana jadi kerajaan dan kami realisasikan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Hadir sama pada program berkaitan, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid; PPK Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah



DR. Afif Bahardin (enam dari kiri), Halil Sabri Hamid (tengah), Mohd. Tuah Ismail (lima dari kiri) dan ahli jawatankuasa penganjur bergambar kenangan bersama-sama dengan berlatarbelakangkan bendang di Balik Pulau bersempena Program Jelajah Desa baru-baru ini.




OTHMAN Din.

Ismail dan Penghulu bagi Pejabat Daerah dan Tanah DBD, Mohd. Farouk Varusai Mohd. serta Safirol Iman Pisal.

Antara lokasi yang dilawati ialah premis pengusaha kedai gunting, Syady Saiful Shamsuddin.

Bersempena lawatan berkaitan, Afif menyerahkan sebuah kerusi gunting dan katil mencuci rambut kepada Syady Saiful sebagai salah satu galakan kepada usahawan berkaitan.

Turut tersenarai, Rahila Hussain yang menerima bantuan pembaikan rumah; Aris Aziz (mesin kimpalan); Ahmad Kamal Ismail (mesin tebu); Siti Halimah Ali (peti sejuk beku) dan lain-lain penerima membabitkan sumbangan mesin rumput, dapur gas, pengadun serta pengisar dan baucar pakaian sekolah bernilai



RAHILA Hussain.

RM150.

Bagi **RAHILA**, 46, beliau amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sudi meluluskan penggantian bumbung rumahnya yang rosak.

"Syukurlah kerana dibantu dalam amaun yang agak besar RM14,000... permohonan juga tidak susah. Terima kasih juga kepada Mohd. Tuah yang memudahcarakan permohonan ini," jelasnya yang merupakan seorang suri rumah.

Bagi peniaga kuih sejuk beku, **SITI HALIMAH**, 65, sumbangan peti sejuk baharu berkaitan mampu menambah penghasilan kuih beliau.

"Peti sejuk baharu bernilai RM1,500 ini diharap dapat menambah pendapatan saya kerana banyak lagi kuih dapat disimpan dan seterusnya meningkatkan pendapatan sedia ada," katanya.

Selain DBD, turut dilawati



SITI Halimah Ali.

adalah Daerah Seberang Perai Tengah (SPT). Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Pegawai Daerah bagi Daerah SPT, Zulkifli Long; penghulu-penghulu kawasan serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK)



MARZUKI Ahmad.

setempat.

Di SPT, pemilik bengkel pemotongan blok kereta, **MARZUKI AHMAD**, 53, tidak lokek berkongsi pengalaman beliau berkecimpung dalam industri berkenaan.

Terletak di Kampung Pengkalan Tambang, difahamkan beliau merupakan salah seorang daripada tiga individu Bumiputera dalam negara yang menceburi sektor ini.

"Sudah 30 tahun saya buat kerja potong blok kenderaan ini... dulu masa berkerja di bawah orang lain...bos saya tidak sanggup menaikkan gaji saya, jadi saya nekad kumpul duit dan buka bengkel sendiri.

*(Sambungan di muka 28).*




Oleh: **ME**

# Insentif RM50,000, PBMPP akhiri penantian 15 tahun julang PERR 2017

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri menyumbangkan insentif RM50,000 kepada Persatuan Bola Sepak Melayu Pulau Pinang (PBMPP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, insentif sebanyak RM30,000 adalah atas kejayaan menjulang Piala Emas Raja-Raja (PERR) Edisi Ke-77 selepas menewaskan Kelantan 2-1 pada saingan akhir di Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, 11 November lalu.

"Sebelum ini, Kerajaan Negeri telah memberikan peruntukan sebanyak RM20,000 atas kejayaan memasuki final kejohanan sama.

"Kini, sebanyak RM30,000 lagi diberikan atas kejayaan menjadi juara dalam Kejohanan Piala Emas Raja-Raja (PERR), iaitu kejohanan bola sepak tertua di negara ini sejak edisi pertama 1922.

"Tahniah dan syabas kepada semua pemain atas kejayaan kali ke-9, menamatkan penantian selama 15 tahun selepas kali terakhir pasukan Pulau Pinang menjadi johan adalah pada 2002," ujarnya pada sidang media di sini 7 Disember lalu.



ABDUL Rahim Hassan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga Penaung PBMPP; barisan Exco Kerajaan Negeri serta Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera).

Dalam pada itu, **Jurulatih PBMPP, Abdul Rahim Hassan turut berkongsi rasa terujanya apabila beliau pernah menjulang piala tersebut ketika menjadi pemain pada tahun 2002.**

**"Kejayaan ini lebih manis kerana pada 2002, Pulau Pinang menjadi juara saya sebagai pemain, tahun ini (2017) sebagai jurulatih pula.**

**"Syukur, misi yang direncanakan selama empat bulan ini berjaya menamatkan penantian kita selama 15 tahun, dan saya berbangga hampir 95 peratus pemain kami adalah anak jati Pulau Pinang.**

**"Kita (PBMPP) pilih anak jati Pulau Pinang kerana mereka ini bermain bukan kerana duit, sebaliknya kerana maruah negeri,"** katanya yang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana sentiasa memberikan sokongan kepada PBMPP.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan pengurus, jurulatih serta ahli-ahli pasukan PBMPP menjulang PERR pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam saingan akhir, Muhammad Nazrul Najmi Mohd. Noor berjaya menjaringkan gol pendahuluan pada babak kedua minit ke-87 menerusi rembatan deras hasil sepakan sudut.

Diikuti gol kedua pada minit ke-112 oleh Muhammad Shahrulnizam Anuar sekaligus menobatkan pasukan Pulau Pinang selaku juara PERR musim ini.

Manakala, Mohd. Nazmi Abdul Aziz pula dipilih sebagai pemain terbaik perlawanan.

## Stadium hoki di Jalan Betek, stadium negara ke-22 diiktiraf FIH – umum KM







ILUSTRASI grafik stadium hoki baru di Jalan Betek, SPT.

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan pembiayaan RM3.5 juta bagi pihak Kerajaan Negeri untuk pembinaan stadium hoki baru di Jalan Betek, Bukit Mertajam.

Katanya, kos keseluruhan pembinaan dianggarkan RM7.5 juta dan baki kos akan dibiayai oleh syarikat AEI International Berhad.

"Pembinaan stadium hoki ini juga bertujuan memberi pengiktirafan kepada pasukan hoki lelaki negeri Pulau Pinang, yang berjaya memenangi pingat emas dalam (Sukan Malaysia) SUKMA Ke-18 Sarawak 2016," jelasnya pada sidang media di sini 4 Disember lalu.

Guan Eng dalam pada itu turut menyaksikan Majlis Menandatangi Perjanjian Persefahaman (MoU) Pembinaan Stadium Hoki tersebut, antara Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Datuk Joseph Kow (Pengerusi Persatuan Hoki Negeri Pulau Pinang merangkap Pengarah Syarikat AEI International Berhad).

Hadir menyaksikan, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Zulkifli Long; Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Dato' Frederick Tan Teck An serta Setiausaha Kehormat Persatuan Hoki Negeri Pulau Pinang, V. Jayanandhan.

Menurut Guan Eng, stadium hoki baru yang dijangka siap pada tahun depan itu diharap akan diiktiraf oleh Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) sebagai stadium hoki negara yang ke-22 kelak, selain stadium hoki sedia ada di Universiti Sains Malaysia (USM) yang turut diiktiraf oleh persekutuan antarabangsa tersebut.

# Prestasi Kerajaan Negeri selesaikan isu penyelenggaraan lebih baik berbanding Pusat - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN -** Prestasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyelesaikan isu-isu berhubung penyelenggaraan adalah lebih baik berbanding Kerajaan Persekutuan, kata Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Menurutnya, sejak tahun 2012 sehingga kini, sejumlah 87 projek penyelenggaraan telah diluluskan di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP).

"Berbanding Kerajaan Pusat hanya 29 daripada 143 permohonan bagi negeri Pulau Pinang diluluskan di bawah TP1M (Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia) bagi tempoh sama.

"Hal ini menunjukkan prestasi Kerajaan Negeri adalah tiga kali ganda lebih baik berbanding Pusat dalam membantu penduduk yang mendiami kediaman bertingkat di negeri ini," ujarnya pada sidang media sejurus penyerahan kelulusan rasmi kepada wakil Badan Pengurusan Bersama Taman Mutiara Vista, Jelutong dan wakil Perbadanan Pengurusan Serina Bay, Hilir Sungai Pinang di sini 10 Disember lalu.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh merangkap anggota Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses



**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyerahkan dokumen kelulusan rasmi kepada wakil Badan Pengurusan Bersama Taman Mutiara Vista serta wakil Perbadanan Pengurusan Serina Bay di sini baru-baru ini.**

Pemilihan Perumahan (SPEC), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Jawi, Soon Lip Chee dan wakil Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, penyelenggaraan merupakan salah satu aspek yang dititikberatkan.

"Sejak 2012, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM11.5 juta bagi melaksanakan 48 projek penyelenggaraan membabitkan lif, tangki air dan sistem perpaipan (18), bumbung (7) dan lain-lain termasuk pengecatan semula, penurapan jalan dan pembinaan tembok serta pagar (14).

"Oleh itu, saya ingin memohon kepada Kerajaan Pusat supaya memperbaik prestasi terutama dalam kelulusan permohonan TP1M memandangkan dalam Bajet 2018 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, sejumlah RM200 juta diperuntukkan bagi TP1M.

"Maka, tidak ada sebab baki permohonan TP1M (bagi Pulau Pinang) tidak dapat diluluskan...kerana ini adalah hakikat, ini adalah kenyataan...saya amat mengalu-alukan Kerajaan Pusat untuk berbuat demikian (memperbaik prestasi)," gesanya yang merupakan Pengerusi SPEC.

Tambah Jagdeep yang merupakan ADUN Datuk Keramat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut memberi tumpuan dalam penyediaan dan pembekalan rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) di negeri ini.

"Ia terbukti apabila sejak 2008 sehingga kini, sejumlah 24,227 rumah kos rendah (KR) dan sederhana rendah (KSR) telah diluluskan pembinaannya berbanding sebelum 2008 hanya 5,154 (rumah) sahaja.

"Pembekalan rumah pun Kerajaan Negeri merekodkan prestasi yang lebih baik berbanding Pusat, sehingga lima kali ganda dan kita (Kerajaan Negeri) akan terus membantu menyediakan rumah di negeri ini," jelasnya.

Terdahulu, Jagdeep mengumumkan peruntukan melalui TPM80PP kepada Taman Mutiara Vista dan Serina Bay.

"Bagi Taman Mutiara Vista, kerja pembinaan tembok pagar (*anti climb*) dan batu akan menelan kos RM60,200, dan Kerajaan Negeri melalui TPM80PP menyalurkan 40 peratus (RM24,080) daripada keseluruhan kos.

"Manakala bagi Serina Bay, kerja-kerja membaik pulih bumbung adalah berjumlah RM96,900, dan Kerajaan Negeri menyalurkan RM58,140 atau 60 peratus daripada keseluruhan kos tersebut," ujar beliau.

## Realisasi penglibatan wanita capai sasaran 30% peringkat pembuat keputusan

**GEORGE TOWN –** Penyertaan golongan wanita sebagai pembuat keputusan di peringkat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) bagi seluruh negeri sehingga Oktober 2017 telah mencapai 25 peratus, kata Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng.

Beliau berkata, statistik tersebut menjadikan 76 daripada 298 JKKK mencapai sasaran penyertaan wanita 30 peratus sebagaimana disarankan Kerajaan Negeri sebelum ini.

"Kemampuan wanita sebagai pembuat keputusan tidak dapat dipertikaikan termasuk dalam menggalas tanggungjawab sebagai ahli dalam JKKK di kawasan masing-masing (dan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberikan galakan kepada golongan ini untuk menyertai peringkat pembuat keputusan.

"MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti sentiasa mengadakan pelbagai program dengan kerjasama PWDC (Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang) antaranya, penganjuran seminar serta program-program pemberdayaan dan kepimpinan wanita.

"Oleh itu, saya menyeru golongan wanita tidak kira sama ada berkerjaya mahupun tidak supaya menunjukkan komitmen penuh dan menyertai JKKK sebagai pembuat keputusan di kawasan masing-masing," ucapnya pada Majlis Pengiktirafan Pencapaian Minimum 30 Peratus Penyertaan Wanita Dalam JKKK Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Jawi, Soon Lip Chee; ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin; ADUN Pengkalan Kota Lau Keng Ee; ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon dan ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng.

Pegawai-pegawai Penyelaras KADUN; Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng; Pengurus Program Pemberdayaan & Kepimpinan Wanita PWDC, Dr. Selva Pillai serta wakil-wakil PWDC lain turut sama pada majlis tersebut.

Menurut Chong Eng, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat penetapan dasar berhubung perkara itu dengan mensyaratkan pembabitan sekurang-kurangnya seorang wanita dalam setiap JKKK tahun ini.

"Manakala menjelang 2019, tiga wanita diperlukan (bagi setiap JKKK) dan sekurang-kurangnya lima (wanita) pada




**MOHD. Rashid Hasnon (tengah, berkemeja hijau) menyampaikan sijil pengiktirafan kepada wakil JKKK Teluk Bahang pada Majlis Pengiktirafan Pencapaian Minimum 30 Peratus Penyertaan Wanita Dalam JKKK Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

2021 nanti.

"Penetapan dasar ini bukan sahaja merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam memartabatkan golongan wanita, malah juga untuk memastikan agenda pembangunan dan kemajuan wanita dititikberatkan.

"Tahniah dan syabas kepada 76 JKKK yang telah berjaya mencapai peratusan penyertaan wanita sekurang-kurangnya 30 peratus," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid ketika ditemui memberitahu, ketidakseimbangan perwakilan wanita merupakan fenomena sosial yang telah lama berakar umbi di negara ini terutamanya dalam arena politik.

"Penglibatan wanita dalam arena politik di negara ini amat mengecewakan sedangkan lebih 50 peratus pengundi di negara ini adalah wanita dan betapa ruginya pembangunan sesebuah negeri itu tanpa memanfaatkan partisipasi golongan ini.

"Sebab itulah, Kerajaan Negeri mengambil langkah memperkasakan penglibatan wanita terutama dalam pentadbiran sama ada di peringkat JKKK sehinggalah ke peringkat negeri," ujar beliau.

# Jagdeep gesa KPKT luluskan baki permohonan TP1M dari Pulau Pinang



RUPA bentuk Pangsapuri Melur Blok 55.



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan) dan Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kanan) ketika meninjau bumbung Pangsapuri Melur Blok 55 yang siap dibaiki di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PANTAI JEREJAK -** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menggesa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) supaya meluluskan baki permohonan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dari Pulau Pinang.

Beliau berpendapat, **selepas Perdana Menteri mengumumkan peruntukan dana TP1M berjumlah RM200 juta dalam Bajet 2018 Persekutuan baru-baru ini, maka TP1M tidak mempunyai masalah untuk meluluskan permohonan penyelenggaraan dari Pulau Pinang.**

**"Saya telahpun memohon kepada KPKT agar permohonan projek-projek penyelenggaraan dari negeri ini diluluskan dengan kadar segera berikutan pengumuman itu.**

**"Semakan Kerajaan Negeri sebelum ini menunjukkan bahawa daripada 143 permohonan TP1M yang dibuat sejak tahun 2012, hanya 29 permohonan sahaja diluluskan, dan tahun 2016 langsung tidak ada permohonan (TP1M) yang diluluskan... data ini adalah hasil semakan daripada kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini,"** tegasnya sejurus mengadakan lawatan ke Pangsapuri Melur Blok 55, Jalan Pantai Aziz Ibrahim di sini bagi memantau kerja-kerja pembaikan kerosakan pangsapuri berkenaan.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, di sebalik 'kegagalan' TP1M, Kerajaan Negeri melalui Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) meluluskan RM11,478,232.62 sejak tahun 2013 untuk kerja-kerja penyelenggaraan Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis A dan B (kos rendah dan sederhana rendah).

"Melalui TPM80PP juga, Kerajaan Negeri telah meluluskan projek pembaikan bumbung Pangsapuri Melur Blok 55 bernilai RM31,620, yang mana 80 peratus kos tersebut dibiayai oleh Kerajaan Negeri, 10 peratus oleh ADUN (Mohd. Rashid), manakala bakinya (penduduk setempat) melalui perbadanan pengurusan," jelasnya baru-baru ini.

# RM59.8 juta Tabung Amanah Bumiputera manfaat golongan Bumiputera bagi pembekalan perumahan KR, KSR

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak pernah meminggir dan mengabaikan golongan Bumiputera di Pulau Pinang termasuk pada aspek pembekalan perumahan mampu milik (RMM), menurut Jagdeep Singh Deo.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan tersebut pada sidang media di sini berkata, tohmahan tersebut langsung tidak benar yang mana hakikatnya kedua-dua jenis RMM (kos rendah, KR dan kos sederhana rendah, KSR) yang dibina akan ditawarkan kepada pemohon layak mengikut kuota diperuntukan di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) yang digubal Kerajaan Negeri terdahulu.

"Kedua-dua jenis RMM yang dibina akan ditawarkan mengikut peruntukan RSNPP yang digubal oleh Kerajaan Negeri terdahulu, iaitu bagi kos rendah sebanyak 50 peratus kuota Bumiputera, Cina dan lain-lain (35 peratus), India (15 peratus).

"Manakala, kos sederhana rendah pengagihan kuota adalah 30 peratus untuk Bumiputera, Cina dan lain-lain (55 peratus) dan India (15 peratus).

"Peruntukan RSNPP ini masih terpakai, yang mana bilangan RMM yang ditawarkan kepada golongan Bumiputera adalah 9,921 unit berbanding 2,423 unit sahaja (yang) ditawarkan kepada kaum Bumiputera oleh kerajaan terdahulu," ujarnya pada sidang media di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini 5 Disember lalu.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Kenyataan tersebut sekaligus menyanggah kenyataan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman yang kononnya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mengambil berat tentang pembekalan perumahan kepada rakyat Pulau Pinang terutamanya golongan Bumiputera di negeri ini.

Seterusnya, mengulas lanjut, **Jagdeep menyatakan bahawa Tabung Amanah Bumiputera sememangnya diguna untuk memanfaatkan golongan Bumiputera di Pulau Pinang, yang mana sejumlah RM59.8 juta telah digunakan untuk pembekalan unit KR dan KSR.**

**"Sehingga tahun 2006, Tabung Amanah Bumiputera berkenaan mempunyai wang sejumlah RM100 juta.**

**"Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM44 juta bagi tujuan membeli 320 unit KSR di S.P. Chelliah dan masing-masing RM7.9 juta bagi projek perumahan KR di Kampung Permatang Tok Subuh, Bukit Mertajam dan Kampung Kepala Gajah, Sungai Bakap.**

**"Kini, tabung tersebut masih berbaki RM40.2 juta,"** jelasnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam pada itu, menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri akan sedaya-upaya menggunakan keperluan wang dari tabung berkenaan untuk pembekalan RMM meliputi kelima-lima daerah di Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan cuba meliputi semua daerah yang mana kini Daerah Barat Daya (DBD) dan Seberang Perai Utara (SPU) masih belum ada," jelasnya.

# Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP platform sentiasa berhubung dengan pengguna

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



**KETUA Menteri, Ir. Jaseni Maidinsa (berdiri, dua dari kanan) sedang diberi taklimat berhubung operasi Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dengan kerjasama Telekom Malaysia Berhad (TM) baru-baru ini melancarkan Pusat Panggilan 24 Jam dalam usaha proaktifnya memastikan perkhidmatan bekalan air berada pada tahap optimum.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, pusat panggilan baharu tersebut bakal menjadi platform kepada PBAPP untuk sentiasa berhubung dengan pengguna dalam menangani semua panggilan pelanggan berhubung aduan, bantuan atau maklumat bekalan air di negeri ini.

Katanya, perubahan nombor tersebut perlu memandangkan PBAPP telah menyumber luar perkhidmatan pusat panggilan sepenuhnya kepada TM ONE dan nombor Pusat Panggilan 24 Jam yang baru iaitu 04 - 255 8255 telah disiarkan sejak Mei lalu.

"Pusat panggilan baru adalah kemudahan penyumberan luar sepenuhnya. Ia dilengkapi dengan solusi *TM ONE Contact Centre* dan dikendalikan kakitangan TM ONE sendiri.

"Semua komponen operasi pusat, termasuk teknologi, perkhidmatan pengurusan dan latihan, dikendalikan oleh TM ONE dan pengguna tidak perlu khuatir kerana keselamatan data pengguna PBAPP adalah dijamin dalam perjanjian operasi di antara PBAPP-TM ONE," katanya sambil menyatakan bahawa purata aduan masalah yang diterima PBAPP dalam sehari adalah 15,000 hingga 20,000 panggilan.

Hadir menyempurnakan pelancaran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan) dan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar).

Dalam pada itu, Guan Eng yang juga Pengerusi PBAPP berkata, PBAPP telah melancarkan tiga saluran utama komunikasi untuk terus berhubung dengan pengguna air di Pulau Pinang.

"Aplikasi mudah alih myPBA untuk telefon pintar dan tablet merupakan aplikasi pertama di Malaysia yang membenarkan pengguna menyelesaikan bil air masing-masing melalui peranti pintar iaitu *Apple App Store* dan *Google Play Store*.

"Aplikasi myPBA yang dilancarkan pada Februari 2017 juga membolehkan pengguna mendapat maklumat yang dikemas kini dan notifikasi bekalan air terkini di mana-mana sahaja.

"Malah, PBAPP turut melakukan penyiaran yang kerap di laman *Facebook PBAPP Penang* untuk berkongsi maklumat dengan orang ramai dan terkini, Pusat Panggilan 24 Jam... diharap usaha-usaha ini akan memberikan maklumat yang tepat kepada orang ramai mengenai isu bekalan air," jelas beliau.

*(Sambungan dari muka 1).*

"Cuma yang saya nak kritik adalah hipokrasi, kalau saya membuat pameran dengan kandungan yang 'mereka' tidak setuju...'mereka' akan serang, tetapi 'mereka' sendiri buat pameran kartun (dengan kandungan sama) di PWTC (*Putra World Trade Centre*, Kuala Lumpur) tidak ada apa-apa, inilah hipokrasi.

"Kenapa harus ada *double standard*, 'mereka' boleh buat orang lain tidak boleh? Adakah kita di Malaysia ini ada dua set undang-undang? Inilah yang saya tidak setuju," soalnya ketika mengulas mengenai pameran kartun dan fotografi sempena perhimpunan agung sebuah parti politik yang memaparkan wajah beberapa pemimpin parti pembangkang dan juga dipercayai berunsur perkauman.

Mengulas lanjut, **Zunar menyatakan bahawa kerajaan perlu menghormati kebebasan para artis untuk berkarya hatta dalam menyatakan pandangan.**

**"Baru-baru ini, ada satu komen daripada seorang artis...telah mengundang kemarahan Kerajaan. Sebelum inipun, ada beberapa artis lain yang menyuarakan pandangan yang menyentuh isu-isu rakyat dan mereka ini bukan menyatakan sokongan terhadap sesuatu parti...tidak.**

**"Jangan kekang kebebasan artis menyuarakan pandangan, kerajaan tidak mempunyai hak untuk berbuat begitu sama ada ke atas penyanyi, pelakon dan siapa juga di Malaysia ini, kerajaan jangan tekan artis-artis ini dan seterusnya disenaraihitamkan...tolong hormati kebebasan artis menyatakan pandangan**," tegasnya.

Dalam pada itu, Guan Eng turut terkejut apabila wajahnya turut diselitkan dalam pameran yang diadakan di PWTC.

"Saya pun terkejut, wajah saya digunakan dalam pameran (tersebut) tanpa kebenaran saya, saya tidak tahu adakah ia melanggari *copyright* (hak cipta)... kalau nak buat karikatur tak apa, tapi saya difahamkan mereka menggunakan gambar saya.

"Nampaknya, orang yang buat kartun ini, boleh berkarya secara bebas, tanpa dikawal, tanpa dikongkong dan tanpa dikenakan sebarang tindakan walaupun 'serangan' bertubi-tubi ke atas saya," respons beliau yang turut mempersoalkan ketiadaan kartun yang menonjolkan isu-isu rakyat khususnya impak pelaksanaan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan) ke atas rakyat terbanyak dalam pameran berkaitan di PWTC.

# Mansuh Lesen Pendudukan Sementara: Kerajaan Negeri sedia kerjasama, tetapi tunjuk bukti ada peruntukan untuk projek RTB

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia memberikan kerjasama bagi memastikan projek rancangan tebatan banjir (RTB) dilaksanakan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri akan menjalankan tanggungjawab terhadap rakyat Pulau Pinang yang terlibat dengan projek mitigasi banjir itu.

"Walau bagaimanapun, sebelum kita (Kerajaan Negeri) membuat sebarang keputusan, saya mahu mereka (Kerajaan Persekutuan) tunjukkan bukti bahawa ada peruntukan bagi projek RTB tersebut.

"Sekiranya tidak ada peruntukan untuk projek RTB itu, bagaimana kita (Kerajaan Negeri) hendak teruskan 'hasrat' Kerajaan Persekutuan untuk memansuhkan Lesen Pendudukan Sementara (TOL)," ujarnya sebagai respons terhadap kenyataan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Datuk Seri Zainal Abidin Osman di dalam laporan sebuah akhbar perdana bertarikh 5 Disember lalu di Permatang Pauh.

Di dalam laporan berkaitan, Zainal Abidin menggesa Kerajaan Negeri Pulau Pinang memansuhkan TOL bagi tanah-tanah milik negeri bagi mengelakkan bayaran pampasan yang tinggi kepada pihak-pihak yang terlibat dengan projek mitigasi banjir.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut berharap Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan bayaran pampasan kepada pihak yang terlibat sekiranya perancangan projek RTB dilaksanakan.

"(Bagi) pihak Kerajaan Negeri, yang penting adalah kita mahukan projek RTB ini dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir.

"(Dan) kita (Kerajaan Negeri) sedia kerjasama, tetapi janganlah meminta sesuatu, namun projek tidak dilaksanakan seperti yang dijanjikan 12 tahun lalu untuk luluskan projek bernilai RM1.6 bilion tetapi tidak dilaksanakan...itulah masalahnya," ujarnya pada sidang media di sini 7 Disember lalu.

# Tradisi sambutan Hari Penjaja tanda penghargaan kini hanya di Pulau Pinang - Datuk Bandar

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa mendengar permintaan golongan penjaja termasuk berusaha memastikan kesinambungan aktiviti perniagaan golongan berkaitan, ujar Chow Kon Yeow.

Mengulas lanjut, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir itu berkata, semenjak Kerajaan Negeri mengambil alih pentadbiran negeri pada Mac 2008, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah diminta menjalankan kerja-kerja naik taraf kompleks pasar dan makanan di sini.

"Mengikut rekod, sejumlah 24 kompleks pasar dan makanan telah siap dinaik taraf dalam tempoh 2009 hingga 2016.

"Manakala, sebuah pasar dekat Batu Feringghi kini dalam proses pembinaan.



KUIH tradisional yang mendapat sambutan.

"Bagi tahun 2017 pula, MBPP merancang untuk menjalankan kerja-kerja naik taraf Pasar Lebuh Campbell dan Pasar Jalan Anson.

"Lanjutan itu, MBPP telah membelanjakan hampir RM61 juta bagi tujuan naik taraf dan pembinaan baru kompleks pasar dan makanan sejak tahun 2009," jelasnya sambil menyatakan perkara tersebut membuktikan bahawa Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan sentiasa memberi perhatian ke atas permintaan golongan penjaja serta peniaga di sini.

Kon Yeow berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama Majlis Perasmian Hari Sambutan Penjaja Dan Komuniti Peniaga Tahun 2017 dekat Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Difahamkan, MBPP merupakan satu-satunya PBT yang masih meneruskan tradisi penganjuran Sambutan Penjaja Dan Komuniti Peniaga di Malaysia.

Dalam pada itu, Maimunah memberitahu, sambutan tersebut diadakan saban tahun demi menghargai sumbangan penjaja dan komuniti peniaga dalam ekonomi bandar raya ini.

"Sebagai makluman, sambutan ini telah diadakan sejak tahun 1996 dan kini hanya MBPP sahaja yang masih meneruskan tradisi sambutan ini di dalam negara sebagai penghargaan kepada komuniti peniaga di Pulau Pinang.

"Sehingga sekarang, Majlis (MBPP) mempunyai 24 pasar yang mengandungi 2,738 unit gerai dan 37 kompleks makanan (1,246 gerai).

"Selain yang dinyatakan YB (Kon Yeow), MBPP juga merancang untuk membina sebuah pasar baharu di kawasan Teluk Kumbar tahun hadapan," jelas beliau.



CHOW Kon Yeow (barisan depan, dua dari kanan), Maimunah Mohd. Sharif (bertudung ungu) dan barisan kepimpinan MBPP melakukan tinjauan gerai penganjuran Hari Sambutan Penjaja Dan Komuniti Peniaga Tahun 2017 di sini baru-baru ini.



KEMERIAHAN sambutan.

## Bukit Tambun bakal miliki gelanggang bola keranjang berbumbung pertama

**BUKIT TAMBUN –** Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM226,184.80 bagi kerja-kerja menaik taraf sebuah gelanggang bola keranjang di Taman Tangling, Simpang Ampat dekat sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Dato' Law Choo Kiang sebelum ini telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi menambah baik gelanggang bola keranjang tersebut.

"Meskipun Kerajaan Negeri perlu membuat peruntukan bagi membiayai bantuan bencana banjir, ia tetap tidak menjejaskan prancangan yang dibuat untuk rakyat.

"Berlainan ketika pentadbiran BN (Barisan Nasional) dahulu yang lebih mementingkan pembangunan di bahagian pulau, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan hari ini memperuntukkan RM3.1 bilion bagi pembangunan infrastruktur dan 77 peratus daripadanya adalah untuk kawasan Seberang Perai," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke gelanggang berkaitan di sini 6 Disember lalu.

Turut sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan beberapa wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Simpang Ampat.

Dalam pada itu, Choo Kiang yang ditemui pada lawatan berkenaan menyatakan bahawa apabila siap kelak, gelanggang tersebut akan menjadi gelanggang bola keranjang berbumbung pertama di kawasan Bukit Tambun.

Difahamkan, projek menaik taraf tersebut akan dimulakan dalam waktu terdekat dan dijangka siap sebelum sambutan Tahun Baru Cina nanti.



KEADAAN gelanggang bola keranjang kini.

# Karnival Kesihatan berkala tingkat kesedaran penjagaan kesihatan umum



DR. Afif Bahardin (berdiri, kiri sekali) dan Nurshamshinaz Shamsuddin (berdiri, dua dari kiri) meramahi beberapa penderma darah pada penganjuran Mini Karnival Kesihatan PUSPANITA Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN -** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin percaya bahawa menerusi penganjuran karnival kesihatan secara berkala ia mampu memberi impak positif kepada masyarakat.

Menurutnya, selain memberi manfaat, karnival seumpama dianjurkan di bangunan pentadbiran kerajaan bukan sahaja mampu meningkatkan tahap kesedaran berhubung kepentingan penjagaan kesihatan dalam kalangan penjawat awam, malah juga masyarakat keseluruhannya.

"Karnival sebegini bagus kerana ia mampu meningkatkan kesedaran tentang kesihatan dalam kalangan penjawat awam khususnya golongan wanita.

"Syabas dan tahniah kepada PUSPANITA (Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia) Daerah Timur Laut kerana menganjurkan karnival sebegini untuk kali kedua tahun ini," ujar beliau pada penganjuran Mini Karnival Kesihatan PUSPANITA Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi PUSPANITA Daerah Timur Laut yang juga Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Pejabat Daerah Timur Laut, Nurshamshinaz Shamsuddin.

Mini Karnival Kesihatan tersebut turut mendapat kerjasama MMK Kesihatan, Klinik Kesihatan Jalan Perak, Klinik Kesihatan Jalan Macalister, Tabung Darah Hospital Pulau Pinang dan HB Laboratories Sdn. Bhd..

Dalam pada itu, Nurshamshinaz memberitahu bahawa penganjuran pertama pada 25 Ogos lalu memperoleh sambutan sangat menggalakkan.

"Rentetan itu, kita adakan sekali lagi, cuma kali ini, selain derma darah, turut diadakan pemeriksaan pap smear dan mammogram khusus untuk golongan wanita," jelasnya.




# Bencana 4 November serlah semangat kemanusiaan pulih semula Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**



PHEE Boon Poh (kanan sekali) mendapatkan maklum balas daripada pegawainya mengenai pengurusan eventori barang-barang bekalan kepada mangsa banjir di Dewan Serbaguna Silver Jubilee Home di sini.



PHEE Boon Poh.

**DI** sebalik bencana ribut taufan, lambakan air hujan terlalu banyak diikuti banjir besar yang melanda beberapa kawasan sekitar negeri Pulau Pinang pada 4 dan 5 November lalu, begitu banyak hikmah serta pengajaran boleh diambil oleh semua pihak.

Salah satunya, menurut **PHEE BOON POH** adalah semangat kemanusiaan pelbagai pihak membantu Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memulihkan semula keadaan pasca bencana.

"Warga Malaysia telah menunjukkan macam mana kita boleh bersama-sama kongsi kaya, yang mana boleh bantu apabila ada bencana.

"Kami (Kerajaan Negeri) juga mendapat banyak sumbangan, bukan hanya daripada bahan-bahan perumahan atau peralatan perumahan, tetapi juga tenaga manusia untuk mencuci," katanya yang merupakan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar dalam satu wawancara dekat Pusat Pengumpulan Bekalan Bantuan Mangsa Banjir di Dewan Silver Jubilee Home dekat Sungai Dua di sini baru-baru ini.

Boon Poh berkata, Kerajaan Negeri senantiasa akan mengenang jasa pentadbiran *Silver Jubilee Home* kerana menawarkan dewan serbaguna pusat rumah orang tua itu sebagai tempat transit segala bantuan barangan dan makanan sepanjang tempoh pemulihan semula kawasan pasca bencana baru-baru ini.

"Saya hendak ucapkan terima kasih kepada dua pihak iaitu *Silver Jubilee Home* yang rela membenarkan Kerajaan Negeri menggunakan dewan ini, sebagai depo sementara, dan juga Bomba Sukarela Raja Uda.

"Akan tetapi, bagi pihak Kerajaan Negeri, yang mana ada kekurangan, kerana ini terlampau *massive*, ada apa kurang, saya minta maaf," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu dalam nada sederhana.

Difahamkan, dekat sini lebih 10 sukarelawan dari *Penang Adventurers' Club* menguruskan depo sementara di *Dewan Silver Jubilee Home* di sini.

**TAJMA BEE IBRAMSA**, 68, merupakan salah salah seorang sukarelawan daripada badan bukan kerajaan (NGO) berkenaan yang ditemui di depo sementara berkaitan.



TAJMA Bee Ibramsa.

Katanya, rata-rata sukarelawan di sini sudah berstatus warga emas atau pesara, walaupun beliau sendiri mengaku memerlukan lebih ramai tenaga muda.

Bagaimanapun menurut Tajma Bee, beliau bangga kerana masih diberi peluang oleh Presiden Penang Adventurers' Club, **WONG PANG KONG** untuk menyertai pergerakan sukarelawan di sini.

"Saya *amat-amat* rasa, orang kata, *besaq* hati lah *pasai* (apa) bila banjir saja, semua orang turun bantu, tidak kira usia, tidak kira apa-apa kategori, semua turun mai bantu.

"Kita mendapat, orang kata, rezeki yang melimpah ruah daripada orang-orang Pulau Pinang, tidak kira apa-apa kategori bangsa dan agama," jelasnya.

Sebelum itu, Pang Kong, juga seorang pesara menyatakan bahawa beliau secara individu sahaja mahu menawarkan diri sebagai sukarelawan.

Namun, apabila mendapati begitu banyak tenaga diperlukan untuk mengurus bekalan masuk dan keluar dari depo sementara di sini, akhirnya beliau memanggil beberapa orang lagi kenalan lain.

"Akhirnya, kita ada 10 sukarelawan, sesetengah mereka datang bekerja, (selepas) mereka mengambil cuti daripada kerja mereka.

"Wah...begitu banyak kerja nak dibuat, sampai ada yang bercakap: Kenapa tidak lebih banyak orang bekerja di sini?

"Kita menerima (sukarelawan) wanita, maka, mereka boleh buat lebih banyak kerja.

"Untungnya juga, kita ada beberapa pemuda, termasuk pesara, namun setiap hari kita buat kerja (sukarelawan).

"Kerja-kerja sukarelawan ini sangat bagus, (sekurang-kurangnya) jadi pengalaman untuk kami," katanya.

Pekerja-pekerja *Silver Jubilee Home* turut bekerja sebagai sukarelawan di sini.

Mereka, **A. PUMADEVAN**, 38, dan **P. RAJENANTHAN**, 40.

Pumadevan berkata, sejak hari bencana 4 November lalu, tidak putus-putus lori besar menghantar bekalan bantuan ke depo sementara di sini.

"Masa banjir, kami dapat tolong. Ramai hantar barang, datang sini, dari Jepun pun ada hantar baju," ujarnya.

Rajenanthan turut berkongsi pengalaman menurun serta menaikkan barang-barang bantuan dari depo sementara di sini, ke kawasan-kawasan yang terjejas teruk akibat bencana.

"Kita buat bantuan, kita hantar barang. Semua lori datang dari Butterworth, dari Kedah.

"Semua kita (membantu) naik(kan) semua barang (ke dalam lori) hantar pi rumah orang, banjir punya tempat," jelasnya.



WONG Pang Kong.



P. RAJENANTHAN (tengah), A. Pumadevan (kiri) dan seorang pekerja Silver Jubilee Home merakam gambar kenangan bersama-sama.

# ADUN Datuk Keramat komited baik pulih masjid-masjid dan surau, agih bantuan pasca banjir 4 November

**EMPAT** masjid dan sebuah surau di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat yang terjejas akibat bencana ribut taufan, hujan terlalu lebat serta banjir besar dalam kejadian pada 4 dan 5 November lalu telah siap dibaiki, sungguhpun pembangkang Pulau Pinang sehingga kini terus menggambarkan Kerajaan Negeri hari ini kononnya anti-Islam dan anti-Melayu.

Mengulas lanjut, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, sejumlah RM25,000 peruntukan peribadinya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat telahpun dibelanjakan untuk membaiki Masjid Acheh Kebun Lama, Masjid Sheikh Eusoff, Masjid Rawana, Masjid Wan Chik Ariffin dan Surau Taman Free School.

"Sebagai ADUN, apa yang saya boleh buat, saya hendak bantu, dan memang saya lihat ada kerosakan pada masjid-masjid ini.

"Selain masjid-masjid ini, rumah ibadat bukan Islam (RIBI) seperti tokong, kuil dan gurdwara, kalau kita lihat ada kerosakan akan kita beri bantuan.

"Setakat ini, RM25,000 diberikan menggunakan peruntukan saya sebagai ADUN dan ini tidak termasuk peruntukan Kerajaan Negeri telahpun dibelanjakan... ada lagi permohonan lain membabitkan masjid dan RIBI akan diproses," katanya dalam wawancara eksklusif bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di Komtar 12 Disember lalu.

Menurut Jagdeep, bencana pada 4 dan 5 November lalu memang di luar jangkaan semua pihak, termasuk dirinya sendiri.

Pun begitu, tambahnya, Kerajaan Negeri melalui program Pulau Pinang Bangkit dengan peruntukan RM105 juta, akan mengagihkan pemberian wang ehsan RM700 secara '*one-off*' kepada mereka yang ditimpa bencana pada hari kejadian.

"Kira-kira 51,000 mangsa berdaftar dan yang layak menerima sumbangan ini akan menerima sama ada terus melalui akaun bank masing-masing atau pusat-pusat pembayaran yang dibuka di kelima-lima daerah, mengikut jadual, pada 16 dan 17 Disember ini.

"Sebenarnya, banjir pada 15 September lalu pun kita sudah menganggapnya begitu teruk walaupun Kerajaan Negeri bersama-sama beberapa agensi lain berjaya memulihkan keadaan pasca bencana dalam tempoh 24 jam.

"Tapi, banjir pada 4 dan 5 November lalu adalah lebih teruk, di luar jangkaan semua dan saya sendiri, seperti beberapa kawasan di Seberang Perai bertambah teruk dilanda banjir walaupun sudah tiada lagi hujan pada 5 November," ujarnya.

Menurut rekod, Jagdeep memberitahu, kawasan Padang Lalang paling teruk dilanda bencana, dan kira-kira 10,000 mangsa dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan akan menerima bayaran wang ehsan RM700 secara '*one-off*' nanti.

"Padang Lalang paling teruk dilanda banjir berbanding KADUN Datuk Keramat, dengan rekod 1,331 mangsa yang terlibat dalam banjir pada 15 September menerima RM400 '*one-off*' dan angka mereka yang menerima RM700 nanti meningkat kepada 2,237 orang.

"Bayangkan betapa teruknya bencana, dalam tempoh tiga hari bencana baru-baru ini, kira-kira 15,000 bungkus nasi untuk makanan tengah hari dan (jamuan) malam diedarkan kepada mangsa dan sukarelawan di KADUN Datuk Keramat sahaja," jelasnya.




**JAGDEEP Singh Deo (enam dari kiri) menyampaikan cek replika RM5,000 Bantuan Baik Pulih Masjid Acheh Kebun Lama pasca banjir 4 November lalu kepada jawatankuasa kariah masjid di sini baru-baru ini.**





**KEADAAN sebelum dan selepas projek membaik pulih sebuah rumah mangsa bencana banjir di KADUN Datuk Keramat hasil inisiatif ADUN kawasan.**

Selain itu, Jagdeep memberitahu bahawa pihaknya turut berjaya menyiapkan projek membaik pulih lima kediaman di Datuk Keramat, yang rosak teruk akibat bencana baru-baru ini.

Itu, kata beliau, tidak termasuk agihan pelbagai bantuan berbentuk barangan seperti tilam, bantal, periuk nasi, dapur dan pembakar roti kepada lebih 3,000 keluarga.

Pun begitu, Jagdeep sekali lagi melahirkan rasa kecewa ekoran layanan dingin Kerajaan Persekutuan, dengan enggan menyalurkan cukup dana bantuan bencana kepada rakyat Malaysia yang ditimpa bencana di Pulau Pinang

Tegasnya, rakyat Malaysia di Pulau Pinang juga seakan dianaktirikan apabila Kerajaan Pusat sehingga kini tidak menunaikan janji menyalurkan RM1 bilion untuk projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di negeri ini.

"Daripada RM324,883,470 peruntukan bantuan wang ehsan kepada mangsa bencana yang telahpun dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2013, bayangkan rakyat Pulau Pinang hanya mendapat sumbangan paling sedikit iaitu RM35,500 sahaja.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) sendiri turun ke Pulau Pinang menyaksikan keadaan rakyat dan kawasan-kawasan yang dilanda banjir, tetapi tidak juga segera menyalurkan RM1 bilion peruntukan RTB, seperti dirayu oleh Kerajaan Negeri hari ini.

"RM1 bilion ini penting untuk mengurangkan risiko bencana banjir termasuk di KADUN Datuk Keramat yang ada (lembangan) Sungai Pinang, tetapi bencana pada 4 dan 5 November lepas yang benar-benar diluar jangkaan semua, sampai masjid tempat orang Islam sembahyang dan RIBI-RIBI lain pun terjejas akibat banjir, seakan tidak menginsafkan Kerajaan Pusat untuk membela rakyat serta menyalurkan RM1 bilion ini," kata Jagdeep.



## Ucapan Perbahasan RUU Perbekalan 2018 di peringkat jawatankuasa Kementerian Pendidikan

# Penggunaan buku teks “import”

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera Merangkap Felo Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

Tuan pengerusi,

**SEBAGAI** sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dalam kurikulum sekolah, Kementerian Pendidikan telah mengumumkan akan menggantikan buku teks mata pelajaran Bahasa Inggeris sedia ada dengan kurikulum yang selaras dengan *Common European Framework of Reference for Language* (CEFR). Oleh kerana buku-buku teks terbitan tempatan dikatakan tidak dapat memenuhi tahap CEFR yang diperlukan, maka buku import akan digunakan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian telah mengeluarkan dua pekeliling bertarikh 16 Ogos dan 12 September yang mengarahkan agar buku teks *Super Minds* terbitan *Cambridge University Press* akan digunakan bagi tahun 1 dan 2 manakala *Pulse 2* terbitan *Macmillan* akan digunakan untuk tingkatan 1 dan 2. Buku-buku tersebut akan dijadikan buku teks utama bagi menggantikan buku teks KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) dan KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah) sedia ada yang tidak lagi akan diedarkan kepada murid dan sebaliknya boleh digunakan sebagai buku rujukan atau bahan sampingan semata-mata.

Walaupun dasar untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris adalah satu usaha murni yang harus disokong, namun terdapat pelbagai persoalan yang timbul ekoran dasar yang nampaknya digubal dengan begitu terburu-buru.

Pertamanya, apakah kewajaran menukar kurikulum dengan tiba-tiba, apatah lagi dengan membabitkan kos yang begitu tinggi. Buku *Super Minds* telah dibeli dengan kos RM38.80 senaskhah manakala *Pulse 2* berharga RM38 senaskhah. Jika berdasarkan perangkaan enrolmen 450 ribu murid bagi tahun 1 dan 400 ribu murid bagi tingkatan 1, jumlah kos pembelian senaskhah buku teks bagi setiap murid adalah dalam lingkungan RM33 juta.

Tidakkah RM33 juta merupakan satu kos yang begitu besar, khususnya apabila ia membabitkan buku teks untuk satu mata pelajaran bagi dua kohort sahaja? Adakah jumlah ini termasuk dalam anggaran perbelanjaan tahun ini atau adakah ianya merupakan perbelanjaan tambahan?

Kos yang begitu tinggi ini juga tidak masuk akal, kerana buku-buku yang kononnya “import” ini sebenarnya tidak import tetapi dicetak secara tempatan dan dibekal melalui penerbit Pan Asia Publications bagi buku *Super Minds* dan Desa Fikir bagi *Pulse 2*. Isi kandungan buku-buku tersebut pula tidak dipinda dan disalin secara keseluruhan. Pada masa yang sama, pengisian digital seperti cakera padat yang terkandung dalam buku-buku asal telah dikeluarkan oleh penerbit tempatan. Justeru, adakah harga hampir RM40 senaskhah itu munasabah?

Tambahan lagi, mengapakah pembelian buku-buku ini tidak dibuat secara tender terbuka sepertimana buku-buku teks lain? Jika keselarian dengan CEFR merupakan syarat, saya pasti banyak lagi buku-buku terbitan asing mahupun tempatan juga dapat memenuhi syarat tersebut. Sebaliknya, Kementerian seolah-olah tergesa-gesa untuk membelanjakan wang yang begitu banyak tanpa kajian yang lebih mendalam.

Yang lebih menghairankan, penggantian buku-buku teks ini telah dilakukan walaupun Kementerian sendiri baru sahaja meluluskan pembelian buku-buku baru berdasarkan kurikulum KSSR dan KSSM pada awal tahun ini. Buku-buku terbitan tempatan ini jauh lebih murah – hanya RM9.20 bagi buku teks tahun 1 (terbitan Dewan Bahasan dan Pustaka) dan RM7.50 bagi buku teks tingkatan 1 (terbitan Pelangi). Kedua-dua buku ini telah dipilih setelah melalui proses tender terbuka. Berdasarkan enrolmen murid yang sama, jumlah kosnya adalah lebih kurang RM7.1 juta – satu perbezaan yang ketara berbanding buku teks *Super Minds* dan *Pulse 2*. Namun dengan penggantian buku yang berlaku ini, apakah yang akan berlaku kepada buku-buku teks tempatan ini sekarang? Bukankah ini satu pembaziran yang amat besar?

Satu lagi isu yang timbul – Kementerian mengarahkan untuk membahagikan buku-buku teks baru agar setengah diajar pada tahun 1 (unit 1-4) dan tingkatan 1 (unit 1-5) dan setengah lagi pada tahun 2 (unit 5-9) dan tingkatan 2 (unit 6-9). Saya tidak faham rasional di sebalik pembahagian yang dilakukan ini. Buku-buku ini direka untuk pembelajaran sepanjang setahun, tetapi Kementerian bercadang untuk mengajarnya sepanjang tempoh dua tahun. Bagaimanakah murid akan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dengan mempelajari hanya empat atau lima unit setahun?




**ZAIRIL Khir Johari pada sidang media di Parlimen Malaysia.**

Apakah akan terjadi kepada murid-murid ini apabila mereka memasuki tahun 3 dan tingkatan 3? Jika Kementerian bercadang untuk meneruskan kurikulum baru ini bagi setiap kohort tahun 1 dan tingkatan 1 yang baru, adakah mereka juga akan belajar setengah modul atau sepenuhnya? Sekiranya kohort baru akan menggunakan modul penuh, bukankah murid-murid yang hanya belajar setengah modul setahun akan ketinggalan berbanding kohort-kohort baru?

Akhir sekali, buku-buku teks baru ini menggunakan pengisian berdasarkan konteks United Kingdom tanpa ada pengisian tempatan langsung. Sebagai contoh, pada mukasurat 75 unit 7 buku teks Pulse 2, artikel mengisahkan mengenai seorang remaja bernama Andrew daripada masyarakat Amish di Amerika Syarikat yang ingin melawat kota London. Dalam lawatannya, Andrew akan menghadiri festival muzik dan bermain beberapa sukan tradisi British. Artikel itu berakhir dengan arahan: “*Watch Channel 4 on Friday at 8pm to see how Andrew gets on!*” Kemudian, antara soalan kerja yang ditanya adalah: “*Do you think Andrew will enjoy his trip to Britain? Why (not)?*”

Konteks dan pengisian dalam artikel ini, iaitu lawatan seorang remaja Amish ke Britain, sungguh asing dan tidak bermakna bagi murid-murid kita. Lebih teruk lagi, bagaimanakah murid hendak merujuk kepada rancangan di *Channel 4*, iaitu sebuah saluran TV British yang tidak terdapat di Malaysia, malah dalam Astro. Pada masa yang sama, bagaimanakah murid ingin menjawab soalan sama ada Andrew akan menikmati percutiannya ke Britain apabila hampir kesemua murid kita sudah tentu tidak boleh membayangkan Britain itu sendiri.

Tanpa adanya rujukan kepada konteks dan kebudayaan tempatan, serta penggunaan kebudayaan asing semata-mata, sudah tentu sukar untuk menarik minat murid-murid kita. Malah, saya percaya ia akan menimbulkan kekeliruan dan menyukarkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita. Saya pohon agar dasar ini dipertimbangkan semula dan difikirkan secara masak-masak sebelum dilaksanakan.

**Campur tangan politik**

Tuan pengerusi,

Kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah menggariskan kepentingan memartabatkan profesion perguruan dan menganjak ke arah kepimpinan distributif. Pelan ini mengakui keperluan untuk meningkatkan autonomi kepada para pengetua dan guru besar dalam mengukuhkan lagi pentadbiran sekolah. Pemusatan kuasa yang keterlaluan pula diakui sebagai antara punca kelemahan birokrasi pentadbiran sekolah. Malangnya, bukan sahaja disentralisasi yang dicanangkan tersebut tidak berlaku, nampaknya cengkaman kuasa Persekutuan semakin kuat sementara sektor pendidikan semakin diremehkan dengan campur tangan politik.

Baru-baru ini, seorang guru besar sekolah Tamil di Butterworth, iaitu SJK (T) Mak Mandin, telah menerima arahan pindah secara mengejut. Arahan ini diterima ekoran lawatan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang dan beberapa pemimpin kanan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke sekolah tersebut untuk menyerahkan peruntukan kewangan sebanyak RM110 ribu bagi mendanai pembangunan infrastruktur sekolah.

Ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada program tahunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Setiap tahun, RM1.75 juta diperuntukkan untuk 28 sekolah Tamil di Pulau Pinang, manakala tambahan RM200,000 diberi untuk pembangunan kelas pra-sekolah. Bantuan tahunan ini diberi kepada semua sekolah separa bantuan seperti sekolah Tamil, Cina, mubaligh dan agama rakyat. Di samping itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga memperuntukkan tanah kepada sekolah-sekolah tertentu, termasuk bagi pembangunan sebuah sekolah menengah Tamil namun malangnya tawaran ini tidak disahut oleh Kementerian Pendidikan.

*(Sambungan di muka 27).*

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>- | - |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Mohd. Rizal Abd. Hamid<br>rizalhamid.ppksa@gmail.com | 012 - 424 3878 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : - | - |
| N2 | Bertam | : 012 - 466 9681 | - Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | : 012 - 505 1334 | - Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | : 016 - 412 8588 | - Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | : 012 - 475 4326 | - Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 010 - 406 2128<br>013 - 595 6865 | - Nurafiqah<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 383 9131 | - Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 013 - 580 2547 | - Mohd. Izzuan |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 010 - 811 7300 | - Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Nayim |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 231 0806 | - Yusof Ismail |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 464 3004 | - Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695<br>017 - 569 6712 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Januari 2018




1hb Januari 2018
***City Walk 1.1.18***


### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB, NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD, ALVIE CHENG

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Pulang berkhidmat, bangunkan Pulau Pinang agar lebih makmur, lebih hijau, lebih maju dan lebih selamat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap pemberian cek bantuan kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT) bagi tahun 2017 bukan sahaja membantu meringankan bebanan ibu bapa, malah juga perbelanjaan para pelajar di universiti.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Cek Bantuan Kemasukan Pelajar ke IPT (i-BITA) 2017 bagi Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.

Guan Eng dalam ucapannya turut berharap para pelajar yang dapat melanjutkan pengajian di mana-mana IPT seluruh Malaysia supaya pulang berkhidmat di Pulau Pinang kelak.

"Saya berharap anda (para pelajar IPT) kembali ke Pulau Pinang untuk berkhidmat kerana Kerajaan Negeri sayang sama anda...jadi anda mesti kembali ke negeri ini.

"Lagipun, anda adalah sumber (modal insan) utama kemajuan dan kemakmuran negeri pada masa hadapan.

"Marilah kita sama-sama bangunkan negeri ini agar lebih makmur, lebih hijau, lebih maju dan lebih selamat," ujarnya kepada 575 penerima cek bantuan i-BITA.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai; ADUN Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan dan Pemangku Pegawai Daerah bagi Timur Laut, Nurshamshinaz Shamsuddin.

Pada majlis berkaitan, seramai 575 pelajar dipilih menerima Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke IPT bagi Tahun 2017/2018 secara '*one-off*' berjumlah RM1,000 untuk penuntut IPT di Semenanjung Malaysia, manakala RM1,200 bagi di Sabah dan Sarawak.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, para penerima serta waris-waris bergambar kenangan pada Majlis Penyerahan Cek Bantuan Kemasukan Pelajar ke IPT (i-BITA) 2017 bagi Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.

## Kanak-kanak istimewa terima sumbangan zakat, alat bantuan pernafasan

**BAYAN LEPAS** - Sejak lahir hingga berusia 2 tahun 8 bulan kini, Nurin Tihani Abdul Malik mengalami kelainan saraf pernafasan ke jantung atau '*Moebius Syndrome*', dan memerlukan alat sokongan udara ke peparu (CPAP).

Ibu dan ayah kanak-kanak berkenaan, Rosnani Ismail, 32, dan Abdul Malik Ramli, 38, masing-masing melahirkan rasa terharu atas sumbangan alat *continuous positive airway pressure* (CPAP) daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP) sendiri pada 11 Disember lalu.

"Selepas lahir, anak kedua kami ini (Nurin Tihani), doktor memang menasihatkan saya supaya memberi perhatian 24 jam kepadanya, jadi saya pun mengambil keputusan untuk berhenti kerja.

"Nurin (Tihani) ini istimewa, minum susu pun dengan bantuan tiup (yang ditebuk) melalui leher kerongkongnya.

"CPAP ini memang diperlukan untuk membantu supaya jantung bernafas dan mencegah jangkitan kuman di saluran pernafasan...terima kasih kepada ZPP atas bantuan ini," jelas Rosnani kepada pemberita di kediamannya di sini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin diiringi Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Dato' Abdul Halim Hussain serta Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz menyampaikan sumbangan bantuan tersebut.

Rosnani memberitahu, suaminya bekerja sebagai juruteknik di sebuah hotel dekat Bayan Lepas.

Berbekalkan gaji bulanan RM1,500, menurutnya, memang tidak cukup, dengan RM400 kos minimum perubatan Nurin Tihani, belanja sara hidup sekeluarga RM800, RM400 sewa (beli) rumah, RM350 pengangkutan RM350 dan RM200 bil-bil utiliti lain.



**DR. Afif Bahardin (dua dari kanan), Abdul Halim Hussain (kiri sekali) dan Azrul Mahathir Aziz (berdiri, dua dari kiri) ketika menyampaikan sumbangan kepada Nurin Tihani Abdul Malik di sini baru-baru ini.**

"Kalau ikut, memang tak cukup, tapi walau macam mana pun, RM400 minimum memang kena sediakan setiap bulan, untuk kos perubatan Nurin (Tihani)," ujarnya sambil memberitahu bahawa anaknya turut menerima bantuan bulanan sejumlah RM150 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebelum ini.

Difahamkan, lima sekeluarga tinggal di sini, termasuk anak sulung, Muhammad Ammar Iffan Abdul Malik, 5, dan juga ibu kepada Rosnani.

Sebelum itu, Abdul Halim menyatakan bahawa sumbangan CPAP jenama *Breas Isleep* berkaitan bernilai RM3,329 daripada sumber zakat.

"Bantuan ini diluluskan di bawah asnaf fakir dan miskin, yang mana ZPP juga turut menyerahkan sumbangan atas tujuan pendidikan dan perubatan.

"Selain sumbangan alat bantuan ini (CPAP), ZPP juga meluluskan permohonan sumbangan RM350 setiap bulan atas nama Encik Abdul Malik, untuk memenuhi keperluan kos perubatan bulanan adik Nurin (Tihani) ini," kata beliau.

## Kata penerima:

**SUMBANGAN** cek bantuan kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT) berjumlah RM1,000 bagi Semenanjung Malaysia dan RM1,200 (Sabah dan Sarawak) ternyata dapat meringankan bebanan perbelanjaan.



**SHEIKH Ibrahim Mohamed.**

Bagi **SHEIKH IBRAHIM MOHAMED**, 62, bapa kepada Siti Nuratirah Sheikh Ibrahim yang kini menuntut di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam jurusan Bioteknologi Marin berpandangan, pemberian bantuan kewangan melalui Sistem Permohonan Bantuan ke IPT (i-BITA) adalah sangat baik dalam meringankan bebanan ibu bapa dan pelajar.

"Wang RM1,000 yang diterima ini akan diberikan terus kepada anak di UMT, bolehlah dia gunakan duit tersebut untuk membeli buku akademik memandangkan jurusan yang dia ambil, hampir setiap subjeknya...harga buku mahal.

"Tambahan pula, dia perlu membeli baju renang dan kelengkapan skuba termasuk lesen skuba yang harganya mencecah RM900...kerana jurusan Bioteknologi Marin memerlukan dia untuk menyelam," katanya yang ditemui bersama-sama isteri, Nashura Ismail, 57, pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Bagi Sheikh Ibrahim, walaupun jumlah tersebut kecil, namun ia sangat membantu terutama bagi ibu bapa yang telah bersara seperti mereka tetapi masih mempunyai anak yang masih menuntut di IPT.

Penuntut Kejuruteraan Reka Bentuk Produk, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), **NUR ALIA HIDAYATI CHE MAT**, 21, menyatakan bahawa mahasiswa yang menerima bantuan kewangan berkenaan perlu memanfaatkannya ke arah pembelian bahan akademik.

"Bagi saya, RM1,000 ini juga dapat digunakan untuk perbelanjaan harian seperti makanan, minuman, pengangkutan dan lain-lain lagi, sekaligus meringankan bebanan bapa saya memandangkan saya masih mempunyai adik yang masih belajar.



**NUR Alia Hidayati Che Mat.**

"Mujur sempat memohon kerana saya pun baru sahaja tahu ada program seperti ini, itupun kerana ada rakan-rakan yang mula menulrkannya melalui aplikasi *Whatsapp*," ujarnya yang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana cakna pelajar IPT sepertinya.

**NUR AISHAH ZAINUL ABIDIN**, 19, berpendapat bahawa bantuan i-BITA amat membantu mahasiswa kerana tidak semua berasal daripada keluarga berada.

"Sebenarnya, selepas beberapa hari mendaftar masuk universiti, saya telah kehilangan dompet, habis semua duit termasuk duit PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional)... semua hilang dan memang sedih sangat.

"Tapi mujur, hari ini, saya menerima RM1,000 dan ia akan membantu perbelanjaan saya walaupun tak mampu '*cover*' semua tetapi sangat membantu ketika waktu terdesak ini," kata penuntut jurusan Kimia Tulen, Universiti Sains Malaysia (USM) berkaitan.



**NUR Aishah Zainul Abidin.**

# Baucar tunai RM400 tambahan sumbangan kurang beban nelayan pantai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

**TELUK BAHANG –** Kerajaan Negeri tetap akan meneruskan sumbangan pukat percuma dua kali setahun kepada nelayan-nelayan pantai meskipun pemberian baucar tunai bernilai RM400 diperkenalkan.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, Kerajaan Negeri sedaya-upaya cuba meringankan bebanan perbelanjaan golongan nelayan terutama dalam membeli peralatan untuk turun ke laut.

"Pemberian baucar tunai RM400 ini adalah untuk meringankan bebanan perbelanjaan tuan-tuan sekalian (nelayan)...tapi tuan-tuan jangan bimbang, pemberian pukat percuma dua kali setahun tetap akan diteruskan.

"Saya harap tuan-tuan dapat menggunakan baucar tunai ini sebaiknya di tiga kedai terpilih seluruh Pulau Pinang...dan kedai-kedai ini dipilih berdasarkan makluman daripada LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) bagi tujuan pembelian peralatan serta perkakasan berkaitan aktiviti nelayan sahaja," ucapnya pada Majlis Penyerahan Baucar Nelayan Pulau Pinang 2017 Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang ( (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid; PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan PPK Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz.

Difahamkan, seramai 1,305 nelayan pantai hadir pada majlis berkaitan dan majlis serupa turut diadakan di Sungai Dua, Seberang Perai Utara (SPU) bagi peringkat Seberang Perai.

Sementara itu, rata-rata nelayan yang ditemui menarik nafas lega apabila menerima bantuan baucar tunai bernilai RM400 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Antaranya, **CHEW MOY KONG**, 48, yang telah mendedikasikan dirinya sebagai nelayan selama 30 tahun, berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang kerana cakna nasib nelayan pantai sepertinya.

"Terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri kerana membantu kami nelayan pantai...sebelum ini kami nelayan tidak pernah menerima bantuan seperti ini, setelah Pakatan (PH) perintah barulah saya terima pelbagai bantuan," katanya dengan nada gembira.

Bagi **MOHD. FIRDAUS ISMAIL**, 35, dari Kuala Sungai Pinang, bantuan yang diterima sedikit-sebanyak dapat dijadikan modal untuk membeli pukat baharu.

"Bantuan ini bukan sahaja membantu meringankan bebanan perbelanjaan nelayan seperti saya, malah juga membantu untuk membeli peralatan menangkap ikan dan pukat," ujarnya yang sudah 13 tahun turun ke laut.

**NOORDIN HUSSAIN**, 65, turut mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri membantu menghulurkan baucar tunai RM400 sekaligus meringankan beban yang mereka tanggung.

"Saya betul-betul berterima kasih kepada Kerajaan Negeri, syukur sangat...dapatlah meringankan beban (perbelanjaan), dapat juga jumpa kawan-kawan nelayan lain.

"Cuma saya harap, pemberian seperti ini dapatlah diteruskan untuk masa-masa hadapan, kalau ada lebih duit (belanjawan) lagi, bolehlah kongsi lagi kepada rakyat macam kami (nelayan)," jelasnya.

Begitu juga **BASRI ISMAIL**, 53, beliau memberitahu, baucar RM400 itu dapat digunakan untuk membeli pukat tambahan.

"Alhamdulillah apabila Kerajaan Negeri mengadakan pemberian seperti ini apatah lagi dalam keadaan sekarang ni, kos sara hidup semakin tinggi dan kami golongan nelayan memang rasa terbeban," ujarnya yang sudah 17 tahun mencari rezeki sepenuh masa daripada hasil laut.




**MOHD. Rashid Hasnon (barisan pertama, tiga dari kiri), Dr. Afif Bahardin (barisan pertama, empat dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, para penganjur dan barisan penerima pada Majlis Penyerahan Baucar Nelayan Pulau Pinang 2017 Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.**



**BASRI Ismail.**



**NOORDIN Hussain.**



**MOHD. Firdaus Ismail.**




**CHEW Moy Kong.**



**SEBAHAGIAN nelayan pantai yang hadir.**

# *Penang Goes Orange - The Orange Challenge* di Entopia, Telok Bahang

**PGO** 2017 dimulakan dengan 'The Orange Challenge' pada hari Sabtu pagi 25 November 2017 dalam keadaan cuaca yang mendung. Cabaran interaktif ini dilepaskan oleh Dato' Maimunah Mohd Sharif, Datuk Bandar MBPP pada pukul 9.00 pagi ketika hujan renyai-renyai mula turun. Para peserta 'The Orange Challenge' telah berlari meluru ke arah Entopia yang merupakan gelanggang perlumbaan berunsurkan pendidikan yang menarik di mana peserta perlu menjawab 17 soalan dan menyempurnakan tiga aktiviti. Mujurlah, langit bertukar cerah sebaik sahaja para peserta sampai ke Entopia.

PGO 2017 merupakan kempen untuk menimbulkan kesedaran orang ramai tentang jenayah seksual dan mengetahui langkah-langkah yang boleh diambil untuk menghalang jenayah ini. Aktiviti-aktiviti dalam 'The Orange Challenge' telah direka bentuk khas untuk membina semangat berpasukan dan pada masa yang sama meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan hakikat keganasan dalam masyarakat kita. Di samping 'The Orange Challenge', satu pertandingan Mewarna dan pameran juga telah diadakan.

Pameran melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Women's Centre for Change, Legal Aid - Penang Bar Council, Penang Green Council, One Stop Crisis Centre (Hospital Pulau Pinang), Befrienders Penang, dan Penang Women's Development Corporation (PWDC).

Cabaran 'The Orange Challenge' tamat pada pukul 11.30 pagi di Checkpoint 16 di mana para peserta perlu mengambil satu 'wefie' dan dimuat naik di laman Facebook mereka dan Facebook PWDC.

Majlis pelancaran diteruskan dengan bacaan teks ucapan YB Chong Eng, EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Komuniti, oleh Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC. Ini kemudian diikuti dengan ucapan pelancaran rasmi oleh YB Dato' Abdul Malik, EXCO Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, bagi pihak Ketua Menteri Pulau Pinang.



**PARA peserta menunjukkan simbol tangan 'Hentikan jenayah Seksual' pada pelancaran PGO 2017 baru-baru ini.**

Tarikh PGO merupakan tarikh yang penting dalam calendar PWDC dan PGO juga merupakan salah satu acara tahunan yang besar untuk PWDC. Hasil kerjasama pintar dengan rakan kongsi dan penaja telah melihat kejayaan yang menakjubkan.

## PGO 2017: Tangani jenayah seksual, pupuk kesedaran umum

**KEMPEN** Penang Goes Orange 2017 (PGO 2017) yang bermula dengan "Orange Day @Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang" pada 6 November 2017 dan "The Orange Challenge @ Entopia" pada 25 November 2017, diakhiri dengan persembahan seni mempertahankan diri yang menarik oleh Skud Wanita PDRM di Auditorium MPSP, Bandar Perda pada 8 Disember 2017. Para hadirin yang terdiri daripada staf MPSP, Ahli-ahli Majlis MPSP, agensi-agensi negeri, organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO), dan orang awam telah diperkenalkan beberapa taktik bermanfaat untuk mempertahankan diri daripada penyerang.

Kempen PGO 2017 yang dimulakan sejak 2014 adalah anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Komuniti dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Fokus kempen tahun ini adalah untuk menangani jenayah seksual dalam masyarakat kita. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah untuk menimbulkan kesedaran orang ramai tentang tanggung jawab mereka dalam menghalang dan menghentikan jenayah seksual dan tidak semata-mata bergantung kepada pihak polis dan agensi-agensi berkuasa untuk melaksanakan tugas penting ini.

Dalam ucapan majlis penutupan PGO 2017, YB Chong Eng selaku EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Komuniti, telah menyatakan PGO merupakan satu kempen yang signifikan dan menegaskan bahawa ibu bapa mesti mendidik anak-anak mereka agar menjaga tubuh mereka dan dapat membezakan antara 'sentuhan baik' dengan 'sentuhan niat buruk'. Kanak-kanak juga mesti disaran untuk memberitahu ibu bapa atau pun guru-guru jikalau terdapat sesiapa baik orang yang tidak dikenali, mahupun jiran atau ahli keluarga menyentuh badan mereka yang menyebabkan mereka berasa tidak selesa. Mempelajari bagaimana mempertahankan diri daripada serangan seseorang penyerang atau membebaskan diri daripada pegangan mereka, boleh menyelamatkan diri daripada serangan seksual. Teknik serta taktik ini agak mudah dipelajari.

YB Chong Eng telah mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada para penganjur, rakan kongsi, dan penaja yang telah memberi sokongan



**CHONG Eng (tengah) sambil ditemani Ir. Rosnani Mahmod (dua dari kanan) dan Ong Bee Leng (kanan sekali) bersama-sama Skuad Wanita PDRM pada majlis PGO 2017 baru-baru ini.**

dan tajaan yang amat bernilai dalam menjayakan program PGO 2017. Ini termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang, PWDC, MBPP, MPSP, Entopia, DELL, WCC, KDU, PDRM, Befrienders Penang, dan WOU. Kemudian, beliau telah mengetuai semua hadirin di auditorium untuk melaungkan "Stop Sexual Crime" dengan mengangkat tapak tangan ke atas.

Acara pada hari itu diteruskan dengan demonstrasi seni mempertahankan diri daripada PDRM dan satu forum berkaitan usaha menghentikan jenayah seksual oleh ahli-ahli panel dari WCC, WOU, dan PDRM. Forum dipemudahcara oleh Dr Florance Sinniah, ahli Lembaga Pengarah PWDC.

Ucapan penutupan telah disempurnakan oleh YB Kasthuriraani Patto, Ahli Parlimen Batu Kawan. Beliau mengatakan bahawa aktiviti-aktiviti PGO 2017 telah menarik ratusan peserta dan para sukarelawan. Sebagai Ahli Parlimen wanita dan Pengarah PWDC, beliau berasa sungguh gembira untuk melihat bagaimana PGO 2017 telah menarik perhatian dan minat bukan sahaja kaum wanita tetapi juga kaum lelaki. Ia melingkungi golongan muda dan tua. Tambahan pula, aktiviti-aktiviti tersebut dijayakan oleh banyak sukarelawan. Kempen media sosial telah sampai kepada beribu-ribu pengguna Facebook "Penang Goes Orange" dan klip-klip video pendeknya telah dikongsikan dan mendapat sambutan ratusan respon.

## Pencapaian minimum 30% wakil wanita dalam JKKK asas pembangunan bakat kepimpinan

**MAJLIS** Pengiktirafan ini telah diadakan pada hari Ahad, 10 Disember 2017 di Dewan Sri Pinang dengan penuh kemeriahan dan disertai oleh 76 JKKK yang layak daripada 33 Kawasan ADUN di Pulau Pinang. Seramai 400 orang yang terdiri daripada Pengerusi/Setiausaha/ahli-ahli JKKK dan para tetamu kehormat telah menghadiri majlis tersebut.

Para tetamu mulai tiba di Dewan Sri Pinang pada pukul 11.30 pagi untuk mendaftarkan diri dan mengambil kesempatan untuk menjalin hubungan rangkaian di kalangan peserta. Doa Selamat dibaca oleh pengacara majlis, En Mohd Yusri bin Yaacob dari PWDC sebelum memulakan bufet tengah hari untuk para jemputan. YB Dato' Haji Mohd. Rashid bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1, turut menyertai makan tengah hari yang menyelerakan dan merasai suasana majlis yang meriah.

Pada pukul 2.00 petang, ahli-ahli JKKK dijemput ke dalam auditorium untuk mengambil tempat duduk masing-masing. YB Chong Eng, EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Komuniti telah menyampaikan ucapan beliau. Ini diikuti oleh bacaan teks ucapan Ketua Menteri Pulau Pinang, yang disampaikan oleh YB Dato' Haji Mohd. Rashid bin Hasnon. Dalam ucapan mereka, subjek kesaksamaan gender, memperkasakan wanita dan penyertaan orang awam telah ditegaskan dan digalakkan untuk menjadi keutamaan agenda sosial dalam perancangan dan pembuatan dasar. Dasar-dasar ekonomi, sosial, politik dan kepimpinan harus saksama dan inklusif untuk membolehkan penyertaan dan penglibatan kaum wanita dari peringkat akar umbi hingga ke peringkat tertinggi dalam pentadbiran negara. Penyertaan dan perwakilan wanita dalam masyarakat adalah kunci kepada masyarakat yang saksama, adil, dan berlestari. Hal ini kerana pengalaman kaum wanita dan lelaki yang luas dan pelbagai serta berbeza akan mendorong pendekatan program yang lebih mesra gender.

Ketua Menteri Pulau Pinang menyatakan pengiktirafan pencapaian minimum 30% penglibatan wanita pada peringkat JKKK negeri Pulau Pinang akan menjadi asas untuk kerajaan negeri terus menggunakan bakat kepimpinan kaum wanita dalam sistem pentadbiran negeri. Kaum wanita di negara ini telah dipinggirkan dalam sistem politik kita dan kadar perwakilan amat rendah, walaupun bilangan pengundi wanita berdaftar adalah agak sama dengan bilangan pengundi lelaki. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil berat situasi ini dan telah mengambil langkah-langkah progresif untuk mengubah tren ini dengan anjakan paradigm. Dasar mewajibkan semua JKKK mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang wanita dari tahun 2017 adalah satu titik permulaan. Mulai tahun 2019, semua JKKK mesti mempunyai sekurang-kurangnya 3 ahli wanita dan pada tahun 2021, semua JKKK mesti ada minimum 5 orang ahli wanita yakni minimum 30% perwakilan wanita dalam JKKK.

Sijil-sijil pengiktirafan dan cenderahati telah disampaikan secara satu persatu kepada 76 JKKK yang telah pun mencapai minimum 30% perwakilan wanita. Selepas penyampaian sijil, disambung pula persembahan pentas oleh JKKK wanita mengikut daerah. Majlis tersebut ditamatkan dengan tepukan gemuruh dan kegembiraan.

Majlis dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan kerjasama MMK Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Komuniti.

# TDP ceriakan kanak-kanak mangsa banjir

Teks & Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**RAI...** Seramai 250 kanak-kanak bertuah diberi peluang untuk berkunjung ke pusat sains dan penemuan, *Tech Dome Penang* (TDP) baru-baru ini.

Mereka didatangkan khas dari Kota Permai, Bukit Mertajam; Taman Free School, Jelutong; George Town serta beberapa kawasan terpilih di Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif TDP, Dr. Khong Yoon Long, program lawatan istimewa tersebut adalah bertujuan untuk memberi kegembiraan kepada kanak-kanak terpilih setelah mengalami saat-saat sukar berikutan bencana banjir dan ribut yang berlaku pada 4 dan 5 November lalu.

"Ini merupakan tajaan secara eksklusif oleh Tech Dome (TDP) dengan kerjasama *Gospel Halls of Malaysia* serta Hotel Jen Pulau Pinang.

"Bersempena lawatan ini, mereka diberi peluang untuk melihat dan mencuba lebih 200 permainan serta pameran berkaitan sains di samping berpeluang berhibur dengan pertunjukan silap mata," katanya kepada Buletin Mutiara di sini.



**KANAK-kanak sedang berseronok dengan salah sebuah persembahan yang disediakan bersempena lawatan khas membabitkan mereka yang terlibat di dalam bencana banjir sebelum ini.**

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

BERSATU DAN SETIA

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10073
Peminjam : MEEZANA BINTI MEERA MYDEEN - 81101207****
BLOK 10-3-11 LINTANG KAMPUNG RAWA 1, HALAMAN DAMAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AL-RIFAE BIN MOHAMED ISHAK - 70111771****
BLOK 88-5-12A SRI WONDER, LINTANG SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMED MUBARAK ALI BIN PAKIR ROWTHER - (MENINGGAL DUNIA)
BLK A-1-18-04 MUTIARA IDAMAN SATU, JALAN TENGKU, JELUTONG
11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10074
Peminjam : ZULFA BINTI A M M SARIFFDIN - 82080307****
9-5-8 LINTANG MACALLUM 2,
10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ROSHAN KHAN BIN A M M SARIFFDIN - A0253***
9-5-9 LINTANG MACALLUM 2,
10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : BASHIR AHAMED BIN A M M SARIFFDIN - A2254***
9-5-9 LINTANG MACALLUM 2,
10300 PULAU PINANG

No Akaun : 10085
Peminjam : NG CHIN YIK - 85032307****
NO. 47 JALAN SEJAHTERA 4, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG HUEY WUEN - 83073007****
47 JALAN SEJAHTERA 4, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ONG CHEE WEI - 81052401****
NO. 109 JALAN PERMATA, TAMAN MESRA, ULU TIRAM 81800 JOHOR

No Akaun : 10088
Peminjam : SITI NAZMIN BINTI AMIR ALI - 84011507****
2A-03-12B MUTIARA HEIGHT, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 1 : FIRUZ KHAN BIN AMIR ALI - 73101607****
2B-06-16 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SITI FATIMAH BT MOHAMED ALI - 64081107****
1B-15-05 MUTIARA IDAMAN, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10091
Peminjam : LEE WEI CHIEN - 84011807****
NO. 11 JALAN NURI 9 , SETIA PEARL ISLAND 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CH NG KHENG HOCK - 59121207****
5 CANGKAT BUKIT GAMBIR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN AH KOW - 45062907****
NO. 20 LORONG MACALISTER
10400 PULAU PINANG

No Akaun : 10100
Peminjam : SYED MOHD ANIS AZRAIE BIN SYED SHAARI - 83122308****
35 JALAN LAHAT 10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SYED SHAARI BIN SYED ABDULLAH - 57071108****
4352 LORONG SERAMPAN 3, TAMAN RIA JAYA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : WAN MOHD ASYID BIN MAT - 75010908****
NO.127 JALAN CENDANA, TAMAN CENDANA, KULIM 09000 KEDAH

No Akaun : 10104
Peminjam : JONATHAN LOH YEAN HUAI - 83070507****
16-17-05 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : JULIA LEE - 58070407****
16-17-05 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LOH KOEY CHUA - 63040607****
9B-08-06 TAMAN KHENG TIAN, JALAN VAN PRAAGH 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10106
Peminjam : LIM CHUON HONG - 84061207****
NO.2995 JALAN MAJU, TAMAN SERI MAJU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : KHOR LEE LI - 58102007****
2995 JALAN MAJU , TAMAN SERI MAJU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIM CHUON PENG - 80100407****
42 LORONG TENANG 9, TAMAN SRI TENANG 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10119
Peminjam : TEH HOOI PEI - 84012807****
25 LORONG SRI KIJANG 19, TAMAN SRI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TEH KHENG SIONG - 72062607****
46 JALAN BERAPIT INDAH 2, TAMAN BERAPIT INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIM ENG BUN - 75110308****
4 LORONG SRI KIJANG 23, TAMAN SRI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10120
Peminjam : PREMA DEVI A/P CHELLAYAH - 80091007****
26 LORONG BELATUK 8, TAMAN BELATUK, JALAN BUKIT PANCHOR 14300
NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : GANESH CHANDRU A/L CHELLAYAH - 75101507****
BLOCK A 05-02 WELLESLEY RESIDENCE, HARBOUR PLACE 13100 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : VICKNESWARI A/P THANNIMALAI - 78060807****
NO. 30 JALAN SERI SETIA, VILLA SERI SETIA, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10140
Peminjam : MOHD HAZLAMI BIN ZULKIPLI - 86123135****
NO.1251 MK 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS
11920 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZULKIFLI BIN MAT - 63032907****
1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS
11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUREZA SHAMIN BT MUHAMMAD - 73091307****
33-4-28 TAMAN PEKAKA , JALAN PEKAKA SATU, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 10146
Peminjam : MOHD ISKANDAR BIN HAUZAR - 86063035****
BLOK B-G-10 TAMAN HJ MOHD AMIN, KAMPUNG PERTAMA 13500
PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : NORAINI BT MOHAMED @ WAN TEH - 66031307****
PDC, 1 PERSIARAN MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU 11909 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD IRWAN BIN HAUZAR - 77050907****
BLOK B-G-10 TAMAN HJ MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 10150
Peminjam : ONG CHENG THIN - 64122807****
31 JALAN KEBUN NENAS 4R/KS8, BANDAR PUTERA 2, 41200 KLANG, SELANGOR
Penjamin 1 : CHUAH LAY HOON - 65061907****
31 JALAN KEBUN NENAS 4R/KS8, BANDAR PUTERA 2, 41200 KLANG, SELANGOR
Penjamin 2 : KOAY SIEW BEE - 68072007****
NO.19 TINGKAT BAKAU 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 10151
Peminjam : MAIZATUL NURUL BARIAH BINTI AHMAD - 85070107****
3-1-4 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AMIR HAZRIL SANY BIN AHMAD - 79031507****
274 LORONG ANGSANA 1, TAMAN ANGSANA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : AMIR SHAHRIL RIZAL BIN AHMAD - 81022707****
3-1-4 DESA JELUTONG, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG

# PIHH, Aladdin Group meterai MoU ke arah prospek pembangunan industri halal



ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kanan) dan Wesley Ong King Seng (dua dari kiri) masing-masing menunjukkan dokumen ditandatangani sambil disaksikan Ketua Menteri dan Vincent Tiew pada pemeteraian MoU antara PIHH dan Aladdin Group di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Agensi fasilitasi halal Pulau Pinang, PIHH Development Sdn. Bhd. (Halal Penang) dan pengendali platform elektronik dagang (e-dagang) halal premium eksklusif pertama dunia, Aladdin Group Sdn. Bhd. memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi menggalakkan usahawan dalam industri halal menguasai teknologi digital ke arah kemajuan di peringkat global.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, melalui jalinan kerjasama antara Halal Penang dan Aladdin Group Sdn. Bhd. (Aladdin Group) tersebut, industri halal tempatan dapat meraih pelbagai faedah merentasi sempadan global.

"Sesi memeterai MoU bersama-sama Aladdin Group menyaksikan suatu perkembangan baharu ke arah prospek pembangunan industri halal di Pulau Pinang serta mengukuhkan jaringan e-dagang dalam penawaran kebolehcapaian di pasaran antarabangsa.

"Di samping itu, ia juga menawarkan fasilitasi import dan eksport merangkumi rangkaian bersama 20 platform e-dagang di seluruh dunia," ujarnya pada Majlis Menandatangani MoU Antara Halal Penang dan Aladdin Group di sini 6 Disember lalu.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang juga Pengerusi Halal Penang, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Pengasas Bersama yang juga Timbalan Presiden Aladdin Group, Datuk Wesley Ong King Seng menandatangani Mou berkaitan di hadapan Ketua Menteri dan Naib Presiden Aladdin Group, Datuk Seri Vincent Tiew.

Menurut Guan Eng, sejak penubuhan Halal Penang pada April 2009, pembangunan industri halal di Pulau Pinang merekodkan pertumbuhan progresif.

"Malah, Zon Makanan di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang Fasa 1 dan 2 yang memiliki status HALMAS - *Halal Malaysia HDC Designated Halal Park* mencatatkan nilai pelaburan sejumlah RM717.46 juta.

"Jumlah syarikat halal berdaftar di Pulau Pinang juga bertambah daripada 55 syarikat pada 2009 menjadi 948 syarikat halal sehingga pertengahan 2017.

"Dengan perkembangan pesat dalam e-dagang global, saya yakin pasaran Aladdin (*e-marketplace*) mampu melonjakkan tahap perniagaan dan industri halal Pulau Pinang ke persada antarabangsa," katanya.

## Pelaburan Regus simbol ekonomi Pulau Pinang berdaya saing - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Syarikat multinasional dari Belgium, Regus membuka pusat perniagaan ketiga di Pulau Pinang, iaitu dekat Menara Boustead di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyampaikan ucapan perasmian pembukaan ruang pejabat itu berkata, pelaburan Regus itu sekaligus menunjukkan ekonomi di negeri ini masih berdaya saing untuk sektor perniagaan khususnya berkaitan digital.

"Permintaan untuk ruang pejabat terutama bangunan berstatus MSC (Koridor Raya Multimedia) semakin meningkat di Pulau Pinang, hatta terus menarik lebih banyak pelaburan serta mengembangkan lagi aktiviti perniagaan," jelasnya pada majlis berkaitan.

Menurut Guan Eng, sebelum ini, REGUS membuka pusat perniagaan sulung di Real Ideal Bayan Lepas, disusuli Regus Gurney Paragon, dengan rekod sewa huni kedua-dua pusat komersial itu sebanyak 98 peratus hingga 99 peratus.

"Penyewa utama (pusat komersial Regus) termasuk Swarovski, IBM, Agoda, Expedia, AIA dan CBRE," ujarnya lagi sambil memberitahu bahawa Regus turut berhasrat membuka pusat perniagaan komersial keempat di *Subterranean Penang International Conference & Exhibition Centre* (SPICE).

Tambah Guan Eng, Pulau Pinang terus menjadi destinasi pilihan utama pelabur asing kerana dasar-dasar Kerajaan Negeri mengambil kira citarasa ekonomi global yang senantiasa berubah-ubah.

"Kerja secara fleksibel merupakan sohor kini yang kian meningkat, untuk menjalankan perniagaan.

"Dengan adanya solusi ruang pejabat daripada Regus, kami (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) berharap PKS (perniagaan kecil dan sederhana) dan sektor perniagaan di Pulau Pinang dapat memanfaatkan pilihan kerja yang lebih fleksibel, demi meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi, pengeluaran serta mengelakkan kualiti tenaga (buruh) yang berbakat," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng sekali lagi memberitahu, pihaknya meramalkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang bagi tahun 2017 sekurang-kurangnya 6 peratus, berdasarkan prestasi pelaburan semasa yang begitu menggalakkan.

Hadir sama, Ketua Regus bagi Negara Malaysia, Indonesia dan Brunei, Vijayakumar Tangarasan.




RUPA bentuk bangunan Regus di sini.

• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Jom sertai *Earth Hour 2018* pada 24 Mac

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DANNY OOI**

**GEORGE TOWN** - Masuk tahun kelima, penganjuran *Earth Hour 2018* akan diraikan pada 24 Mac 2018 mulai 8.30 malam hingga 9.30 malam dengan acara berjalan malam sejauh 4 kilometer (km) di Lebuh Lintang bersebelahan *1st Avenue Walk* di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berharap kempen yang disambut di peringkat dunia tersebut turut menyemarak kesedaran penduduk Pulau Pinang mengenai perubahan iklim serta langkah-langkah memulihara alam ini.

"Kami (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) memuji inisiatif WWF (*World Wildlife Fund*) bagi memulakan pergerakan persekitaran global *Earth Hour* yang menyatukan berjuta-juta penduduk dunia untuk menyinarkan harapan terhadap tindak balas iklim serta memperkuasa potensi individu demi mengekang perubahan iklim ini.

"Semua orang dijemput menyertai *Walking Night Earth Hour 2018* nanti, dengan RM65 untuk pendaftaran setiap peserta yang boleh dibuat melalui *pandashop.my/earthhour2019*.

"Semua peserta yang berjalan kaki akan menerima baju-t Bumi Hijau 2018 serta pingat, manakala dana yang dikumpul akan disalurkan untuk kerja-kerja pemeliharaan alam oleh WWF-Malaysia," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada majlis mempromosi kempen *Earth Hour 2018* baru-baru ini.

Sebagai menyambut kempen itu, Kon Yeow memberitahu bahawa semua pejabat kerajaan serta agensi kerajaan menjadi Pejabat Hijau Pulau Pinang dengan pelaporan karbon 2020.

"Kerajaan Negeri juga akan mengambil bahagian untuk mengurangkan risiko perubahan iklim dengan berusaha mencapai 50 peratus kadar kitar semula negeri Pulau Pinang pada tahun 2020.

"(Dan, aku janji Kerajaan Negeri) adalah menukar 20,000 unit lampu jalan kepada jenis LED pada tahun 2020," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow menyatakan, sebelum ini pun Kerajaan Negeri melalui *Penang Green Council* menganjurkan Anugerah Sekolah Hijau, Pejabat Hijau serta Anugerah Kewartawanan Hijau untuk pelaksanaan sistem audit melibatkan pelbagai kelompok sasaran.




CHOW Kon Yeow (kanan sekali) bersama-sama tiga wakil WWF-Malaysia pada sidang media mempromosi program *Earth Hour 2018* di sini baru-baru ini.




## Pembukaan Fasa 4A Batu Kawan tambah kerancakan pembangunan PKS Pulau Pinang

**BATU KAWAN** – Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri dalam negara yang diiktiraf oleh SME Malaysia kerana berjaya mempromosikan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kata Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar.



ROSLI Jaafar (dua dari kanan) pada Majlis Pembukaan Taman Perindustrian Kecil dan Sederhana Fasa 4A di Galeri PDC Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, meskipun Pulau Pinang kini merupakan pemain industri PKS terkemuka di Malaysia, namun pelaburan langsung juga penting dalam memastikan ia terus berkembang.

"Pembangunan PKS adalah sama penting dengan pelaburan langsung asing (FDI) kerana ia memberikan perkhidmatan sampingan serta sokongan bukan sahaja terhadap FDI, malah juga MNC (perbadanan multinasional) lain.

"Antaranya, *Boston Scientific, Broadcom Limited, Sunningdale Tech Limited, Bose* dan Malaysian Automotive Lighting Sdn. Bhd. yang merupakan antara pelabur utama yang bertapak di Taman Perindustrian Batu Kawan ini," katanya pada Majlis Pembukaan Taman Perindustrian Kecil dan Sederhana Fasa 4A di Galeri PDC Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Menurut Rosli, dengan pembukaan Fasa 4A, ianya akan menambah kerancakan pembangunan PKS di negeri ini.

"Di Batu Kawan, kini banyak pelaburan berskala besar seperti RM250 juta yang dilaburkan oleh *Design Village Outlet Mall*, pembinaan Kolej Universiti KDU dan pelaburan RM600 juta oleh gedung perkakasan rumah ternama, IKEA yang dijangka dibuka tahun hadapan.

"Sebab itu, PDC mengambil pendekatan tiga serampang untuk pembangunan PKS iaitu mewujudkan Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan (SMART), membangunkan Taman PKS serta menyediakan akses perkhidmatan dan kemudahan bergantung kepada keperluan," jelasnya.

Difahamkan, fasa terbaharu berkaitan bakal mengambil masa selama 18 bulan untuk disiapkan iaitu dari 16 Oktober 2017 hingga 15 Januari 2019 melibatkan keperluan SME dan unit-unit rumah kediaman.

# Ayuh lindungi wanita, perangi jenayah seksual

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** - Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng menyeru semua pihak supaya mengambil bahagian dalam memerangi keganasan seksual ke atas wanita serta memberi sokongan supaya mangsa yang terbabit tampil menuntut keadilan di mahkamah.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Perasmian Penutup Penang Goes Orange 2017, iaitu acara sambutan sedunia selama 16 hari sehingga 10 Disember lepas di peringkat negeri ini.

"Kita tidak harus hanya semata-mata bergantung kepada pihak polis dan pihak berkuasa sahaja, kerana jenayah seksual ini tidak terbatas pada tempat awam seperti jalan-jalan, lorong-lorong, taman, pusat membeli-belah, perhentian bas serta stesen keretapi, sebaliknya juga di sekolah, pejabat dan rumah.

"Saya ingin menyeru agar anda semua tampil ke hadapan untuk menyuarakan bantahan terhadap jenayah seksual," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod mewakili Yang di-Pertua Majlis, Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Chong Eng memberitahu, Jawapan Bertulis di Dewan Rakyat mendedahkan bahawa sejumlah 3,960 kes diadukan kepada polis pada 2015, manakala 3,730 kes lain diadukan dalam tahun berikutnya.



**CHONG Eng (berkemeja kelabu), Ir. Rosnani Mahmod (barisan kedua, lima dari kanan), Ahli-ahli Majlis MPSP, jawatankuasa penganjur, para peserta dan barisan jemputan menunjukkan simbolik kempen *Penang Goes Orange 2017* pada majlis penutupnya di sini baru-baru ini.**

"Daripada jumlah kes 2015 dan 2016 yang dilaporkan, hanya 28 peratus atau 2,180 (kes) yang telah dibawa ke mahkamah.

"Dan, daripada jumlah tersebut, hanya 8 peratus atau 644 kes yang berjaya disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman terhadap pelaku jenayah tersebut.

"Berdasarkan laporan perangkaan itu sekaligus menunjukkan betapa sukarnya membawa pemangsa jenayah seksual ke muka pengadilan,'' tegasnya.

## Wanita diperlukan sebagai sebahagian penyumbang pertumbuhan ekonomi - Exco

**GEORGE TOWN** – Kelestarian dan keberkesanan sesebuah pembangunan hanya boleh dicapai menerusi perkongsian matlamat serta kepentingan antara dua gender yang seterusnya mendorong kepada pertumbuhan ekonomi.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, sekiranya majoriti golongan wanita hanya terperuk di rumah dan mengharapkan negeri ataupun negara mencapai kemajuan, ianya pasti tidak tercapai.

"Kita memerlukan golongan wanita untuk menjadi sebahagian penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sama seperti kita memerlukan golongan lelaki untuk berkerja yang mana kedua-duanya mesti berganding bahu.

"Soal penjagaan anak-anak, siapa yang perlu menjaga mereka... saya berpendapat, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu memainkan peranannya, perlu juga bertanggungjawab terhadap penjagaan anak-anak ketika ibu bapa berkerja," ucapnya pada Seminar Pemerkasaan Wanita di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng dan Pengasas yang juga Presiden Persatuan Kebajikan Asas Pulau Pinang (PKAPP), A. Alagesan.

Menurut Chong Eng, anak-anak merupakan 'harta' negara yang amat bernilai.

"Anak-anak pada masa kini adalah pemimpin pada masa hadapan, justeru penjagaan anak-anak pada masa kini merupakan pelaburan bagi masa hadapan.

"(Dan) Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang memberi pengiktirafan kepada golongan ibu dan wanita berkerjaya dengan memperuntukkan insentif tunai RM15 juta tahun 2018 sebagai penghargaan kepada golongan berkaitan dan pada masa sama mempunyai anak di bawah usia enam tahun.

"Mereka (ibu berkerjaya dan mempunyai anak di bawah usia enam tahun) akan menerima RM300 setahun, dan ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang cakna terhadap keperluan ibu-ibu berkerjaya," ujar beliau.

Seramai 200 peserta menghadiri seminar sehari anjuran PWDC dengan kerjasama PKAPP, *I To I (i2i) Training and Consultancy dan Lifestyle Development Organisation*.

## *Larian The Top Komtar* lasak, uji kekuatan fizikal




**NG Wei Aik (enam dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa penganjur dan sebahagian pemenang cabutan bertuah penganjuran *The Top Komtar Tower Run 2017* di sini baru-baru ini.**

**CABAR KEUPAYAAN...** Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng mengakui bahawa cabaran mendaki 1,217 anak tangga sempena *Larian The Top Komtar Tower 2017* bukanlah suatu perkara mudah.

Katanya, mendaki anak tangga hingga ke Tingkat 59 Komtar memerlukan kekuatan mental dan fizikal lasak.

"Saya kagum dengan kegigihan para peserta. Ini kerana, sebelum menaiki anak tangga, peserta juga perlu berlari sejauh 7 kilometer (km).

"Saya juga difahamkan bahawa kira-kira 1,000 peserta turut berpeluang merebut hadiah cabutan bertuah bernilai RM15,000, iaitu keahlian *Tower Club Penang*," ucapnya sebelum menyempurnakan upacara pelepasan peserta Larian The Top Komtar Tower 2017 Edisi Kesembilan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Komtar, Ng Wei Aik dan Ketua Pegawai Eksekutif One World Group Holdings, Datuk Seri Richard Goh.

# Perutusan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng pada 16 Disember 2017 Sempena Upacara Pemberian Wang Bantuan Kepada Mangsa Bencana Banjir Dan Ribut 5 November 2017

**BENCANA** banjir dan angin ribut kencang pada 4-5 November 2017 telah mendatangkan impak yang besar kepada ramai rakyat Pulau Pinang. Siapa boleh lupakan feri yang berat diangkat naik oleh angin kencang sehingga ditolak ke atas darat? Banyak kediaman, perniagaan, organisasi dan kenderaan telah mengalami kerosakan teruk akibat banjir ribut yang paling teruk dalam sejarah Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertekad membantu rakyat meringankan beban kewangan dan membolehkan ekonomi Negeri Pulau Pinang bangkit semula dengan perlaksanaan Program "Pulau Pinang Bangkit". Program bernilai RM105 juta ini, merangkumi usaha gotong-royong membersihkan kawasan banjir yang diadakan besar-besaran sejurus selepas kejadian banjir, koordinasi dan penyampaian barangan bantuan, diskaun cukai pintu, diskaun bil air, pengecualian surcaj konservasi air bagi pengguna domestik, penggantian dokumen kerajaan negeri yang rosak atau hilang, dan pemberian wang bantuan kecemasan (one-off) RM700 bagi setiap isi rumah mangsa.

Inilah bayaran kepada mangsa banjir yang paling besar dalam sejarah Malaysia. Kerajaan Negeri masih tunggu dengan penuh harapan bantuan banjir daripada Kerajaan Persekutuan, bukan sahaja meluluskan projek tebatan banjir sebanyak RM1 bilion tetapi juga bantuan kewangan RM500 kepada setiap mangsa banjir sama seperti yang dibayar kepada mangsa banjir di negeri lain. Tidak boleh diterima langsung bahawa di antara tahun 2013-2017, daripada RM235 juta bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada mangsa banjir, Pulau Pinang hanya menerima RM35,500 atau 0.015% sahaja. Mengapakah rakyat Pulau Pinang didiskriminasikan sungguhpun mereka juga rakyat Malaysia? Adalah diharapkan Kerajaan Persekutuan boleh ketepikan kepentingan politik demi rakyat dan bantu mangsa banjir negeri Pulau Pinang, sepertimana yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini.



KETUA Menteri bergambar kenang-kenangan dengan sebahagian penerima bantuan sumbangan RM700 *one-off* peringkat Daerah Timur Laut baru-baru ini.

Tempoh permohonan untuk wang bantuan kecemasan (one-off) RM700 telah berlangsung 21 November 2017–2 Disember 2017. Mangsa-mangsa ribut dan banjir telah mendaftarkan diri dengan mengisi borang atas talian di http://www.penangbangkit.com dan selepas itu membawa dokumen-dokumen pendaftaran ke Pusat Khidmat ADUN Kerajaan Negeri, Pusat Khidmat Penyelarasan KADUN atau Pejabat Daerah yang berkaitan. Dalam masa 12 hari tersebut, seramai 52,950 permohonan telah diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Inilah tempoh permohonan yang paling singkat untuk permohonan berskala besar ini dalam sejarah negara.

48,424 permohonan telah diluluskan di mana 12% pemohon telah memilih untuk menghadiri upacara pemberian wang bantuan secara tunai dan 88% pemohon telah memilih untuk menerima wang bantuan secara kredit terus ke dalam akaun bank. Kelmarin, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyalurkan wang bantuan kepada 41,892 orang mangsa banjir secara kredit terus ke dalam akaun bank mereka. Wang yang telah dikreditkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjumlah sebanyak RM 29,324,400.

Hari ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan teruskan dengan Program "Pulau Pinang Bangkit". Kami akan menyampaikan sejumlah RM 4,147,500 kepada 5,925 orang mangsa banjir melalui Upacara Pemberian Wang Bantuan Secara Tunai yang diadakan serentak di kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang. Daerah dengan paling ramai penerima wang tunai adalah Daerah SPU dengan 2,086 orang, disusuli oleh Daerah SPT 2,014 orang dan Daerah DTL 1,052 orang. Kawasan DUN yang mempunyai paling ramai penerima wang bantuan secara tunai adalah DUN Seberang Jaya 801 orang, DUN Bertam 613 orang, DUN Datuk Keramat 578 orang dan DUN Sungai Dua 527 orang.

Jumlah besar wang yang dijangka disampaikan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada mangsa-mangsa banjir melalui kredit terus ke dalam akaun bank dan Upacara Pemberian Wang Bantuan Secara Tunai adalah RM 33,896,800 kepada 48,424 pemohon (RM 4,147,500 melalui upacara dan RM 29,749,300 dikredit terus ke dalam akaun bank).

Pada keseluruhannya, Kawasan DUN yang mempunyai paling ramai mangsa banjir adalah DUN Sungai Dua yang telah meluluskan 4,553 permohonan, DUN Padang Lalang yang telah meluluskan 4,363 permohonan, DUN Seberang Jaya yang telah meluluskan 3,279 permohonan,dan DUN Machang Bubuk yang telah meluluskan 3,268 permohonan. Di sebelah Pulau, Kawasan DUN yang mempunyai paling ramai mangsa banjir adalah DUN Datuk Keramat yang telah meluluskan 2,238 permohonan, DUN Pulau Betong yang telah meluluskan 2,140 permohonan, dan DUN Air Itam yang telah meluluskan 1,701 permohonan.

Dimaklumkan juga wakil dibenarkan untuk menerima bantuan ini dari pejabat daerah pada hari Isnin (18/12/17) hingga Rabu (20/12/17) bagi penerima yang tidak dapat hadir pada hari ini (16/12/17).

Kerajaan Negeri ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang menghulurkan bantuan penyelamatan dan juga badan amal NGO seperti Tzu Chi yang menderma wang puluhan juta dan tenaga kerja beribu-ribu. Juga tidak terlupa orang awam dari dalam dan luar Pulau Pinang yang telah membantu rakyat dan ekonomi Pulau Pinang bangkit dan pulih termasuk menyumbang tenaga kerja dan menderma wang. Syabas diucapkan kepada pegawai-pegawai Pusat Khidmat ADUN, Pusat Khidmat Penyelaras KADUN dan Pejabat Daerah yang berusaha bersungguh-sungguh memproses 52,950 permohonan dalam masa yang singkat ini.

Adalah amat membanggakan melihat usaha memulihkan Negeri Pulau Pinang adalah dibuat secara kerjasama dan perkongsian di antara sektor awam, swasta dan rakyat. Ramai yang puji kemampuan rakyat membersihkan semula Pulau Pinang dalam masa singkat 10 hari sahaja. Mujurlah sektor pembuatan dan perkhidmatan yang merupakan nadi utama ekonomi negeri, tidak terjejas teruk dan dapat pulih dengan segera. Marilah kita bangkit bersama dan teruskan matlamat Negeri Pulau Pinang sebagai negeri bertaraf antarabangsa dan pintar yang paling berjaya di Malaysia

LIM GUAN ENG
Ketua Menteri Pulau Pinang

# Wang bantuan kepada mangsa banjir Pulau Pinang, pembayaran paling besar dalam sejarah negara

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang mencatat sejarah tersendiri apabila menyumbang wang bantuan kepada mangsa banjir paling besar dalam sejarah negara ini, iaitu RM33,896,800 kepada 48,424 pemohonan yang diluluskan.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Sumbangan Program Bantuan Khas One-Off Bencana Banjir Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Daerah Timur Laut di sini 16 Disember lalu.

"Pembayaran ini adalah yang paling besar dalam sejarah Malaysia, bahkan Kerajaan Persekutuan pun tidak bayar sampai RM700, yang mereka (Pusat) bayar paling besar ialah RM500.

"Seramai 41,892 penerima memilih untuk wang bantuan dimasukkan terus ke dalam akaun semalam, dan anda hari ini (16 Disember) memilih untuk menerima secara terus," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis berkaitan.

Hadir sama, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bersama ADUN-ADUN Daerah Timur Laut.

Tambah Guan Eng, Pulau Pinang juga mencatat sejarah apabila berjaya 'membersihkan' negeri ini cuma dalam tempoh masa 10 hari.

"Ada yang datang nak bantu, tetapi semua telah bersih, mereka terperanjat, dan saya ingin ucapkan tahniah atas sikap bersatu-padu dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Beliau dalam pada itu turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Program Pulau Pinang Bangkit termasuk agensi-agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Kita (Kerajaan Negeri) juga berjaya sampaikan bantuan kewangan dengan cepat dalam tempoh 12 hari permohonan sahaja. Kita (Kerajaan Negeri) nekad bayar sebelum akhir tahun kerana kita (Kerajaan Negeri) faham pada akhir tahun bakal melibatkan perbelanjaan yang banyak seperti persekolahan dan sebagainya," ulasnya lanjut.

## Bayaran mangsa banjir Pusat, Pulau Pinang hanya terima 0.015 peratus daripada keseluruhan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri masih menunggu bantuan banjir RM500 daripada Kerajaan Pusat dan pembayaran tersebut diharap dapat disegerakan setelah Kerajaan Negeri membuat pembayaran RM700 baru-baru ini, gesa Ketua Menteri, Y.A.B., Lim Guan Eng.

Katanya, sehingga hari ini, beliau memaklumkan bahawa 'tiada apa-apa', dan pihaknya masih menunggu jawapan Kerajaan Pusat.

"Mereka (Kerajaan Pusat) cakap akan uruskan, saya pun sudah tulis surat kepada Perdana Menteri, oleh itu saya harap mereka (Kerajaan Pusat) boleh bagi bantuan RM500 seperti yang mereka (Kerajaan Pusat) bagi kepada negeri-negeri lain.

**"Seperti yang saya sebut, sejak 2013 hingga sekarang, Kerajaan Pusat buat bayaran kepada mangsa banjir sebanyak RM235 juta, tetapi daripada jumlah itu, Pulau Pinang hanya terima RM35,500, itu hanya 0.015 peratus dan ini jumlah yang terlalu kecil dan susah diterima.**

**"Mengapa Pulau Pinang dianaktirikan dan didiskriminasikan? Saya harap Pulau Pinang boleh dapat bantuan RM500 itu kerana rakyat Pulau Pinang pun rakyat Malaysia juga, jangan pinggirkan rakyat negeri Pulau Pinang**," katanya pada sidang media Program Penyampaian Bantuan Khas One-Off Bencana Banjir Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Daerah Timur Laut di sini 16 Disember lalu.

Bercakap berkenaan projek rancangan tebatan banjir (RTB), melalui Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, difahamkan bahawa Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Dr. Ali Hamsa) akan turun memantau dan menilai projek-projek RTB Pulau Pinang.

"Saya harap ianya akan memberikan berita baik. Tetapi kita (Kerajaan Negeri) masih tunggu bantuan secara terus kepada mangsa-mangsa banjir," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Hadir sama, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri serta ADUN-ADUN bagi Daerah Timur Laut.

## Kerjasama hadapi pasca banjir, sukarelawan & JKKK umpama 'satu keluarga Pulau Pinang'

**SUNGAI PUYU -** Hampir 400 anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) serta sukarelawan pasca bencana banjir 4 dan 5 November lalu diraikan dalam majlis jamuan makan malam bersama-sama Ketua Menteri, Y.AB. Tuan Lim Guan Eng di sini.

Ketika berucap, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan merakamkan perasaan terharu atas kerjasama semua pihak memulihkan keadaan pasca bencana dalam tempoh 10 hari sahaja.

"Sepanjang umur kita tak pernah lihat bencana banjir seteruk 4 November lalu dan saya harap kita tidak akan hadapinya lagi.

"Inilah semangat negeri Pulau Pinang, dan inilah semangat rakyat Pulau Pinang yang tidak akan lari walaupun dilanda bencana, sebaliknya turun padang bersama-sama pulihkan balik negeri ini selepas bencana.

"Kita dapat pulihkan Pulau Pinang selepas 10 hari banjir...terima kasih, terima kasih, terima kasih," ucapnya yang juga Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) pada Majlis Jamuan Malam Penghargaan JKKK Peringkat Kawasan Parlimen Bagan di Dewan Tokong Ong Yi How pada 16 Disember lalu.

Sebelum itu, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh menganggap kerjasama yang ditunjukkan oleh sukarelawan serta anggota JKKK umpama 'satu keluarga Pulau Pinang'.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu menyatakan bahawa pihaknya akan cuba mendapatkan sejumlah peruntukan untuk membekalkan peralatan kecemasan bagi menghadapi bencana di semua Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) tahun hadapan.

Manakala, ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan pula mempertikai pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana sehingga kini tidak menyalurkan peruntukan bantuan sumbangan wang ehsan kepada rakyat Malaysia di Pulau Pinang yang ditimpa bencana banjir pada 15 September dan 4 November baru-baru ini.

Lensa Buletin Mutiara




TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali) beramah-mesra dengan wakil jawatankuasa program peringkat Daerah Barat Daya.



AKSI Ketua Menteri bersama-sama salah seorang penerima memperoleh perhatian daripada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis peringkat Daerah Seberang Perai Utara.



AHLI Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin (dua dari kiri) bersama-sama barisan penerima peringkat Daerah Barat Daya.

# Berganding bahu bersihkan kawasan pasca banjir Ladang Hong Seng



**CHRIS Lee Chun Kit (kiri sekali) mengadakan perbincangan dengan beberapa wakil berkaitan pada program gotong-royong membersihkan kawasan sekitar Ladang Hong Seng di sini baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN kerja-kerja pembersihan yang dijalankan.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**PULAU TIKUS –** Seramai 60 sukarelawan dan pekerja awam Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berganding bahu bersama-sama membersihkan sekitar kawasan Ladang Hong Seng yang terjejas akibat banjir terburuk yang berlaku pada 4 dan 5 November lalu.

Diiringi semangat bersatu-padu, kerja-kerja pembersihan seperti mencuci jalan, membersihkan parit dan longkang tersumbat serta mengalihkan sampah-sarap dijalankan seawal jam 8 pagi.

Ahli Majlis bagi MBPP, Chris Lee Chun Kit yang turut menyertai aktiviti tersebut berkata, inisiatif tersebut adalah bagi membantu penduduk setempat di ladang berkenaan agar pulih sepenuhnya seperti keadaan sebelumnya.

"Penduduk kampung telah bergelut sejak banjir 4 dan 5 November, kami memahami kesusahan dan kecekalan mereka.

"Usaha pembersihan ini sememangnya menjadi keutamaan, kita (MBPP) mahu pastikan setiap kawasan dan masyarakat yang terjejas agar pulih dan bangkit sepenuhnya daripada kejadian tersebut," ujarnya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Aktiviti kesukarelawan tersebut diadakan dengan kerjasama di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MBPP, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Ladang Hong Seng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus.

## Kesenian, adat budaya masyarakat berbilang bangsa perlu terus kekal terpelihara

**GEORGE TOWN –** Masyarakat Pulau Pinang yang terdiri daripada berbilang bangsa dan agama diseru supaya memelihara kesenian, adat dan budaya masing-masing yang mempunyai identiti tersendiri.

Pengarah Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Rashidah Jalaludin berkata, ia penting bagi memastikan warisan seni budaya setiap kaum yang mencakupi amalan serta cara hidup agar terpelihara.

"Tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada warisan seni budayanya dan harus dikekalkan kerana ia mempunyai identiti tersendiri.

"Budaya tradisional mencakupi amalan dan cara hidup pelbagai kaum di negeri ini termasuk pakaian, makanan, adat resam, seni dan sebagainya.

"Warisan tradisional ini perlu diwarisi kepada generasi muda agar ianya tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas... dengan cara tersebut sahaja seni jiwa bangsa dapat dihayati kerana tak kenal maka tak cinta.

"Pulau Pinang akan terus menjadi sebuah negeri yang aman damai walaupun masyarakatnya berbilang bangsa dan agama, inilah identiti yang perlu dipelihara dan dikekalkan demi kesejahteraan bersama," ujarnya ketika membacakan teks ucapan Datuk Bandar baru-baru ini.

Beliau berkata demikian sempena Majlis Penyampaian Sijil dan Persembahan Kelas Tarian Tradisional Kanak-kanak Dan Kelas Seni Drama & Teater Tahun 2017 Siri II bertempat di Pusat Belia, Lebuh Acheh di sini.

Sebanyak 120 pelajar menyertai Kelas Tarian Tradisional Kanak-kanak Siri Pertama dan 48 pelajar telah disenarai pendek berdasarkan pencapaian seni tari masing-masing.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, Grace Teoh Koon Gee.

Menurut Rashidah, bagi memupuk kesedaran orang ramai, MBPP mengambil inisiatif mempersembahkan sebuah tarian tradisional berkisahkan pencemaran alam.

"Konsep pencemaran alam diaplikasikan dalam persembahan tarian bagi mewujudkan kesedaran, minat dan pengetahuan dalam kalangan masyarakat terhadap kepentingan keindahan, kehijauan dan pemeliharaan alam sekitar," jelasnya.



**SEBAHAGIAN kanak-kanak yang berpakaian unik mempersembahkan tarian berkisahkan pencemaran alam sekitar pada Majlis Penyampaian Sijil dan Persembahan Kelas Tarian Tradisional Kanak-kanak Dan Kelas Seni Drama & Teater Tahun 2017 Siri II di sini baru-baru ini.**



# “Rezeki daripada Allah, berniaga dengan iman”, Lan pengusaha Kek Lapis D Penang

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SETELAH** kilang yang sekian lama menjadi sumber rezekinya berpindah lokasi operasi, berbekalkan modal berjumlah kira-kira RM350, Roslan Abu, 42, membeli pengadun tangan dan ketuhar kecil dengan nekad untuk memulakan perusahaan kek lapis Sarawak bagi menyara keluarga beliau.

Seumur hidup, akui Roslan atau lebih mesra dengan nama panggilan Lan menyatakan bahawa beliau tidak pernah membuat kek, apatah lagi kek lapis Sarawak yang memerlukan kemahiran khas.

“Tidak pernah sentuh, buat, tapi minat ada juga. Isteri saya orang Sarawak dan beliau yang selalu buat.

“Bila nampak peluang (untuk kembangkan perusahaan), saya belajar dengan isteri, malah kami berdua balik ke Sarawak untuk mengikuti bengkel khas bagi menambah baik yang sedia ada,'' katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di kediamannya di Jalan Gajah Mati, Machang Bubok, Seberang Perai Tengah (SPT).

Sekembalinya di sini, Lan cuba menambah baik resipi asal berasaskan citarasa orang utara.

“Mula-mula belajar, proses guna pengadun besar, pakai pengisar tangan macam tak biasa.

“Telur tak kembang, kek kurang cantik, kek agak padat sikit...antara cabaran yang dihadapi,'' jelasnya sambil tersenyum.

Menurut Lan, beliau mengambil tempoh masa dua tahun untuk betul-betul memahiri teknik membuat kek lapis Sarawak yang kini dijenamakan sebagai Kek Lapis D Penang keluarannya serta isteri tercinta, Masni Dollah, 42.

Ketika dicelah mengenai soalan bahawa bidang pembuatan kek kebiasaannya dipelopori golongan Hawa, Lan yang agak pemalu perwatakannya tersenyum sipu menyatakan bahawa cef-cef hebat adalah terdiri daripada golongan lelaki.

“Industri pembuatan kek tidak dinafikan majoritinya adalah dalam kalangan wanita... golongan lelaki, sekiranya terlibat (di dalam bidang ini), saya rasa progresif, produktiviti adalah lebih tinggi, laju, tak *demand* sangat,'' ujarnya.

Kek lapis, ulas Lan adalah menggunakan bahan sama seperti kek-kek biasa, yang membezakannya ialah ia (kek lapis) perlu dibuat *layer by layer* (berlapis-lapis).

“Malah, untuk memperoleh resepi sempurna, tempoh empat tahun diperuntukan saya, kadang-kadang tak jadi sebab terlalu basah.

“Keunikan Kek Lapis D Penang adalah ia tidak menggunakan pengawet, dan hanya dapat bertahan tujuh hari berbanding produk dibeli dari negeri Sarawak yang kebiasaannya dapat disimpan dalam tempoh enam bulan.

“Yang negeri Sarawak, kebiasaannya ada pengawet, sebab itu bila balik (selepas menghadiri bengkel), kami ubah resipi, cara pembuatan.

“Selain rasa yang berbeza (berbanding produk negeri Sarawak), kepada pelanggan, memang kami nyatakan awal bahawa kek kami tiada pengawet, tak tahan lama...tidak sangka, lama-kelamaan ia jadi pilihan ramai,'' katanya.

Mengulas lanjut, Lan memberitahu bahawa jenis Kek Lapis D Penang yang paling popular ialah asam pandan, masam manis dan keju koko.




ROSLAN Abu menunjukkan salah satu Kek Lapis D Penang jenis semarak bercorak unik dihasilkannya.



DALAM proses pembuatan.



KEK Lapis D Penang yang sedia untuk dipasarkan.

Tambah menarik, ketika sesi wawancara dijalankan beberapa bulan lalu, Lan memperkenalkan produk terbaru ciptaannya, Kek Lapis Durian Pakan yang berperisa durian.

“(Kek) masam manis ialah kek pertama yang saya belajar dan berjaya dihasilkan saya. Bangga sebab kini ia menjadi antara yang paling popular.

“Selain itu, kek lapis semarak yang bercorak, saya pada peringkat permulaan terpaksa mengambil masa dua hari menyiapkannya,'' jelas beliau.

Selain pasaran tempatan, Kek Lapis D Penang turut menjelajah ke seluruh Semenanjung Malaysia, dari Perlis hingga negeri Johor dengan purata pengeluaran dalam tempoh sehari adalah sebanyak 300 biji membabitkan empat hari pembuatan dalam tempoh seminggu.

Berkongsi mengenai prinsip perniagaan, Lan menyatakan bahawa adalah menjadi prinsipnya untuk bersikap jujur dan 'berkongsi rezeki'.

“Maknanya, kami tidak bersaing dengan *dealer* atau peniaga, kami selaku pengeluar sahaja. Ini bermakna, apabila ada agen, saya tidak akan bersaing dengan agen berkaitan, mereka (*dealer*) boleh masukkan label sendiri.

“Ini adalah berasaskan konsep bahawa seseorang tidak boleh buat semua sendirian, umumnya, kita perlu kongsi.

“Satu lagi prinsip ialah *dealer* cuma perlu bayar barang yang dijual sebab saya percaya rugi atau untung, perlu bertimbang rasa dan saya percaya kepada konsep bahawa rezeki adalah daripada Allah, berniaga dengan iman,'' ujarnya sambil bersyukur dengan apa yang dikecapi beliau kini.

Bagi perancangan masa depan, Lan ingin membuka bengkel baru yang lebih besar daripada sedia ada dan menambah jenis produk dengan memfokuskan kepada citarasa tempatan.

“Perniagaan ini kini menjadi fokus kami suami isteri sepenuh masa. Malah, daripada tiga cahaya mata, anak sulung yang kini berusia 15 tahun menunjukkan minat yang mendalam.

“Kami memang rancang untuk menurunkan perniagaan ini kepadanya kelak,'' ulas Lan mengakhiri sesi wawancara pada hari berkaitan.

**INFO:**
**MASLAN KEK LAPIS**
**MK16, Jalan Gajah Mati,**
**14020 Machang Bubok.**
**Tel.: 016 – 476 3307 / 04 – 552 5994**
***FB: keklapisdpenang***

# Taja seragam, gunting rambut percuma inisiatif ADUN ringan beban ibu bapa




**LIM Siew Khim (tengah, berkemeja putih) dan Syerleena Abdul Rashid (berkemeja putih merah) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian penerima Program Sumbangan Persekolahan KADUN Sungai Pinang di sini baru-baru ini.**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PERSEDIAAN AWAL...** Sebagai persediaan awal menghadapi sesi persekolahan tahun 2018, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim mengambil inisiatif menaja pakaian seragam dan alat tulis kepada 250 pelajar terpilih di kawasannya.

Selain itu, enam pereka rambut turut didatangkan khas dari *Hair Master Studio* bagi membolehkan mereka mendapatkan khidmat gunting rambut percuma.

"Walaupun sumbangan ini tidak seberapa, namun saya harap ia sedikit-sebanyak dapat meringankan bebanan perbelanjaan ibu bapa terutamanya pada aspek persediaan uniform baru," katanya ketika ditemui pada Program Sumbangan Persekolahan dekat Pusat Aktiviti Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Pinang baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid.

Difahamkan, penajaan pakaian seragam sekolah dan perkhidmatan menggunting rambut secara percuma berkaitan merupakan program tahunan KADUN Sungai Pinang.

## ADUN Air Itam teruskan tradisi sumbangan pakaian seragam

**RINGAN BEBANAN...** Seramai 324 pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam baru-baru ini menerima sumbangan pakaian seragam sekolah sebagai persediaan memulakan sesi persekolahan baharu tahun hadapan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, sejak tiga tahun lalu, pemberian pakaian seragam sekolah kepada pelajar terpilih dilaksanakan bagi meringankan bebanan perbelanjaan ibu bapa yang mempunyai anak-anak masih bersekolah.

"Sengaja saya aturkan pemberian (pakaian seragam sekolah) awal-awal supaya ianya lebih memudahkan ibu bapa untuk merancang dan menguruskan hal-hal lain apabila sekolah hampir buka kelak," ujarnya pada Majlis Penyampaian Pakaian Seragam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam di Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sin Kang di sini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.



**WONG Hon Wai (berkemeja merah jambu) dan Ramkarpal Singh (berkemeja putih) bergambar bersama-sama sebahagian penerima pada Majlis Penyampaian Pakaian Seragam KADUN Air Itam di sini baru-baru ini.**



# Program 'Jom Kembali Ke Sekolah' persiapan ke alam persekolahan baru




**MOHD. Rashid Hasnon (tengah) bergambar kenangan bersama-sama para penerima sumbangan program 'Jom Kembali Ke Sekolah' di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DANNY OOI**

**PANTAI JEREJAK –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini menyerahkan baucar bantuan pakaian seragam sekolah kepada 150 pelajar terpilih sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pantai Jerejak di sini.

Bercakap kepada pemberita, beliau berkata, program berkaitan merupakan anjuran bersama Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak dan pihak pengurusan Kompleks Bukit Jambul (KBJ).

"Ini adalah tahun kelima kami berikan baucar untuk membantu anak-anak sekolah mempersiapkan mereka ke persekolahan baru Januari tahun depan.

"Acara di bawah program 'Jom Kembali Ke Sekolah' akan membantu ibu bapa membeli beg sekolah, pakaian seragam dan keperluan lain untuk anak-anak mereka," katanya yang juga ADUN Pantai Jerejak dalam majlis tersebut di sini.

Justeru, beliau berharap semua penerima baucar supaya memburu kecemerlangan akademik di sekolah.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Rashid memberitahu bahawa pihaknya mempunyai hasrat untuk membuka kelas bahasa Inggeris di pejabatnya.

"Kami juga mencadangkan penubuhan kelas tuisyen untuk *Cambridge English* di pejabat ADUN, dan saya menggesa ibu bapa untuk datang ke sini bagi mendaftar kursus ini," serunya.

# 80 kanak-kanak sertai program Khatan Perdana 2017 Peringkat Permatang Pauh, Seberang Jaya

**SEBERANG JAYA -** Kira-kira 80 kanak-kanak direndamkan dalam kolam Kompleks Pusat Renang Awam Seberang Jaya terlebih dahulu sebelum menyertai program Khatan Perdana 2017 di Masjid Jamek Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin sendiri mengambil bahagian mengkhatankan peserta pada penganjuran berkaitan.

Beliau berharap program itu turut menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan waris kepada kanak-kanak yang 'bersunat' di sini.

"Kepada anak-anak yang selamat dikhatankan, ini tentu satu lagi pengalaman hidup yang berjaya ditempuhi secara berani, syabas!

"Khatan ini adalah contoh peri penting jaga kebersihan diri, sebab Islam agama yang mementingkan hal kesihatan.

"Kepada waris-waris yang turut serta di sini, juga boleh saling berkenalan dan menyemarakkan silaturrahim sesama kita," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Difahamkan, program kali ini melibatkan kanak-kanak dari kawasan Parlimen Permatang Pauh dan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya sendiri.



**DR. Afif Bahardin (tiga dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama kanak-kanak yang 'direndamkan' di dalam kolam renang bersempena penganjuran program Khatan Perdana 2017 Peringkat Permatang Pauh dan KADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**

*(Sambungan dari muka 11).*

Pun begitu, lawatan yang dibuat oleh Ketua Menteri yang juga merupakan Ahli Parlimen setempat ke SJK (T) Mak Mandin itu dibuat atas jemputan lembaga amanah (board of trustees) sekolah dan bukannya guru besar, Puan Tamilchelvi. Malah beliau tidak hadir pun semasa program tersebut.

Namun sejurus selepas peristiwa itu, Puan Tamilchelvi telah disoal siasat oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Beliau diminta untuk menjelaskan mengapa Ketua Menteri dijemput ke sekolah dan sama ada beliau tahu mengenai lawatan tersebut. Beliau juga dituduh tidak mengambil langkah untuk memastikan pintu sekolah dikunci. Selepas soal siasat dilakukan, arahan pemindahan terus dikeluarkan.

Anehnya, ini merupakan pemindahan kedua baginya dalam tempoh setahun. Sebelum ini, beliau dipindahkan dari SJK (T) Bukit Mertajam, secara kebetulan juga selepas lawatan pemimpin Kerajaan Negeri, iaitu Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang yang hadir atas jemputan PIBG.

Nampaknya Puan Tamilchelvi seolah-olah dimangsakan sekali lagi. Walaupun pemindahannya kali ini dijelaskan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, iaitu Ahli dari Hulu Selangor, sebagai sebahagian daripada rutin yang dilaksanakan secara berkala, namun jawapan itu tidak memuaskan kerana beliau baru sahaja berpindah dari sekolah lain. Adakah ia satu kelaziman bagi seorang guru atau guru besar untuk dipindahkan dua kali dalam masa setahun? Adakah ia wajar untuk seorang guru atau guru besar untuk berkhidmat di tiga sekolah berlainan dalam masa yang begitu singkat?

Peristiwa ini amat mendukacitakan. Seorang guru besar menjadi mangsa mainan politik dan tidak berdaya untuk melawan campur tangan politik yang jelas menjejaskan bukan sahaja kerjaya beliau tetapi juga murid-murid di sekolah-sekolah terbabit dengan ketidakstabilan kepimpinan yang dialami. Tindakan yang diambil terhadap Puan Tamilchelvi adalah terlalu kejam dan tidak sepatutnya berlaku.

Pun begitu, peristiwa ini tidaklah begitu mengejutkan kerana campur tangan politik dalam sistem pendidikan kerap berlaku. Saya merujuk pertikaian yang tercetus pada bulan Ogos yang lalu apabila Ketua Menteri Pulau Pinang dihalang daripada melawat SJK (C) Kampung Sungai Lembu di Bukit Mertajam.

Pada waktu itu, Ketua Menteri ingin melawat sekolah tersebut bagi meninjau keadaan berikutan kes kilang haram di kawasan tersebut. Pada masa yang sama, beliau juga ingin memberi sumbangan dana kepada sekolah. Malangnya, beliau tidak dibenarkan masuk dan permohonan yang dibuat kepada JPN selepas itu juga ditolak tanpa sebab yang munasabah.

Larangan melawat sekolah terhadap pemimpin-pemimpin pembangkang, meskipun anggota kerajaan negeri, merupakan sesuatu yang sudah lama diamalkan. Halangan yang sama turut wujud di Selangor juga. Namun di Pulau Pinang dan Selangor, tidak pula ada masalah apabila pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) memasuki mana-mana sekolah.

Malah, berlaku peristiwa baru-baru ini di SK Putrajaya Presint 14(1) di mana bendera parti politik UMNO telah dipamerkan dalam perkarangan sekolah sementara lagu dan slogan UMNO dilaungkan oleh murid-murid semasa acara rasmi sekolah. Ini membuktikan terdapat sikap dwi-standard dan pengaruh politik partisan yang amat ketara dalam sistem persekolahan. Sementara pemimpin pembangkang tidak dibenarkan untuk melawat atau melakukan aktiviti di sekolah-sekolah dalam kawasan mereka atau dalam negeri yang ditadbir mereka, BN pula boleh menjalankan aktiviti politik secara terang-terangan di sekolah.

Seelok-eloknya, politik harus dipisahkan daripada sistem pendidikan kita. Medan persekolahan adalah persada untuk menimba ilmu dan bukan untuk bermain politik. Apa salahnya seorang Ketua Menteri melawat sekolah di atas kapasitinya sebagai wakil rakyat atau pemimpin tempatan? Kerajaan Persekutuan seharusnya menghormati sistem persekutuan negara ini bagi membuktikan kesungguhan untuk melaksanakan transformasi pendidikan dan pentadbiran yang dicanang-canangkan. Tindakan menekan pentadbir sekolah tidak merugikan pemimpin kerajaan negeri tetapi sebaliknya menjejaskan masa depan anak bangsa negara ini.

Sekian, terima kasih.

(Sambungan dari muka 2).

# JKKK mata dan telinga kenal pasti penduduk perlu bantuan - Exco

"Bukan mudah, tambahan pula tiada agensi kewangan yang sanggup memberi pinjaman kepada saya...tapi la ni (kini) alhamdulillah," ujarnya kepada Buletin Mutiara.

Bagi **OTHMAN DIN**, 58, yang bertugas sebagai warden di salah sebuah sekolah dekat sini pula, bersyukur kerana projek pembinaan kediamannya yang hangus dalam kejadian kebakaran di Kampung Padang Ibu sebelum ini berjalan lancar.

"Awal tahun hari tu rumah saya terbakar, jadi saya buat permohonan kepada YB Norlela untuk meminta bantuan dan dalam tempoh bulan enam macam itu, rumah saya dah siap dibina semula, alhamdulillah," jelasnya.

Turut menerima sumbangan serupa iaitu di bawah Projek Pembinaan Baru Rumah Penduduk Miskin dan Mangsa Kebakaran di bawah MMK Pembangunan Desa ialah S. Manogaran, Ahmad Zaki Saad dan Ahmad Ismail.

Kunjungan lanjut adalah ke beberapa kawasan bagi meninjau pusat penghasilan produk para usahawan desa termasuk di Kampung Tanah Liat, Kampung Kubang Semang dan Kampung Petani.

Antaranya, pengusaha cendawan tiram; perusahaan laksa beras popular berjenama Chop Laksa dan pusat penghasilan sabun pencuci serta palet makanan kucing daripada pokok kenaf.

Ketika di Kampung Sungai Sintok, Afif turut menyampaikan hamper kepada penduduk kurang berkemampuan dan bantuan-bantuan peralatan kepada usahahwan-usahawan kecil di bawah Bantuan Peralatan MMK Pembangunan Desa.

Menurut Afif, sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang membelanjakan lebih daripada RM1.1 juta bagi membantu pembinaan semula rumah rakyat terpilih di kawasan desa seluruh SPT.

"Malah, Kerajaan Negeri turut menyediakan dana bagi projek membaiki rumah rakyat terpilih. Umumnya, kedua-dua projek kebajikan ini adalah di bawah portfolio pembangunan desa di bawah saya yang secara tidak langsung membuktikan bahawa Kerajaan Negeri PH tidak mengabaikan mana-mana golongan.

"Bagi pembaikan rumah di SPT pula, sejak 2008, ia melibatkan 116 rumah dengan anggaran perbelanjaan lebih daripada RM1.2 juta," katanya.

Sebagai tambahan, Afif menyatakan bahawa JKKK juga harus memainkan peranan menjadi mata dan telinga Kerajaan Negeri dalam mengesan penduduk-penduduk yang memerlukan bantuan seperti ini bagi membolehkan mereka yang layak serta perlu memperoleh bantuan sewajarnya.



DR. Afif Bahardin mencuba mesin memproses air tebu.



AHMAD Kamal Ismail (kanan sekali).



RUPA bentuk cendawan tiram.



DR. Norlela Ariffin beramah-mesra dengan barisan ahli jawatankuasa.